



LAPORAN TAHUNAN 2025 KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD

**MESYUARAT AGUNG
TAHUNAN KALI KE 41
DEWAN KOMPLEKS SUKAN,
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH
• 20 JUN 2026 •**



**ATUR CARA
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA
KALI KE 41
20 JUN 2026 (SABTU)**

8.00 pagi

Pendaftaran Anggota-Anggota KOSMA di
Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah,
Pahang Darul Makmur

8.30 pagi

Anggota-Anggota KOSMA mengambil tempat di Dewan

Aluan Pengacara Majlis

Nyanyian Lagu Negaraku dan Lagu Negeri Pahang

Bacaan Doa

Ucapan Pengerusi KOSMA
Y.H. Dato' Haji Zamri bin Mohamed

Ucapan Perasmian
Oleh Menteri Besar Pahang
YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail

Penyampaian Anugerah Kecemerlangan dan Pampasan

YAB Menteri Besar Pahang meninggalkan majlis

Mesyuarat Agung dimulakan

Jamuan Makan/Bersurai

SENARAI KANDUNGAN

Notis Mesyuarat Agung	1-2	
Kata-kata Aluan	3-8	
Maklumat Penting KOSMA	9	
Anggota Lembaga	10-11	
Sorotan Kalendar Sesi 2025/2026	12-24	
AGENDA MESYUARAT		
1	1.1 Mengesahkan pemecatan atau mengetepikan penggantungan jawatan anggota lembaga : i. Tuan Haji Ismail Bin Abd Rahman, No. Kad Pengenalan : 570601-06-5665 (Anggota : 2784) 1.2 Mengesahkan penggantungan dan membuang atau mengetepikan penggantungan keanggotaan anggota-anggota seperti berikut : i. Tuan Haji Ismail Bin Abd Rahman, No. Kad Pengenalan : 570601-06-5665 (Anggota : 2784) ii. Encik Zaipul Bahrin Bin Awang Nong, No. Kad Pengenalan : 590126-06-5153 (Anggota : 2229)	25-26
2	Melantik Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam (6) Anggota dan Empat (4) Orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-41 pada 20 Jun 2026.	27
3	Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-40 pada 21 Jun 2025.	28-77
4	Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun 2025/2026.	78-97
5	Menimbang dan Meluluskan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya, Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juruaudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025.	98
6	Menimbang dan Meluluskan Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2026 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2027.	99-109
7	Meluluskan Elaun-Elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman dan Saraan kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Kepada Subsidiari Koperasi.	110
8	Menimbang dan Meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.	111
9	Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi.	112
10	Meluluskan Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun Koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2026.	113
11	Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada tujuh (7) hari telah diberikan.	114
12	Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga : a. Memilih Tiga (3) orang Anggota Lembaga ; Tiga (3) orang bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2026 - 2029 (3 tahun). b. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.	115-116

NOTIS MESYUARAT AGUNG

KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD
B8032, Sri Kuantan Square, Jalan Teluk Sisek,
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Telefon : 09-5177977

Bil (11) dlm KOOP:100-3/66-2025 MAT 41

2 Jun 2026

Kepada : -
Semua Anggota
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA)

Tuan / Puan Yang Dihormati,


NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE - 41

Sukacita dimaklumkan bahawa, Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut :

Tarikh : 20 Jun 2026 (Sabtu)
Masa : 8.00 pagi
Tempat : Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Lebuhr Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Gambang, Kuantan, Pahang Darul Makmur.

2. Anggota - anggota adalah dengan segala hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat tersebut dan agenda-agenda mesyuarat adalah seperti berikut : -

- 2.1 2.1.1 **Mengesahkan** pemecatan atau mengetepikan penggantungan jawatan anggota lembaga :
 - i. Tuan Haji Ismail Bin Abd Rahman,
No. Kad Pengenalan : 570601-06-5665 (Anggota : 2784)
- 2.1.2 **Mengesahkan** penggantungan dan membuang atau mengetepikan penggantungan keanggotaan anggota-anggota seperti berikut :
 - i. Tuan Haji Ismail Bin Abd Rahman,
No. Kad Pengenalan : 570601-06-5665 (Anggota : 2784)
 - ii. Encik Zaipul Bahrin Bin Awang Nong,
No. Kad Pengenalan : 590126-06-5153 (Anggota : 2229)
- 2.2 **Melantik** Satu Jawatankuasa Yang Terdiri Daripada Enam (6) Anggota dan Empat (4) Orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi Untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-41 pada 20 Jun 2026.
- 2.3 **Mengesahkan** Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-40 pada 21 Jun 2025.
- 2.4 **Menimbang** Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2025/2026.
- 2.5 **Menimbang dan Meluluskan** Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya Jika Ada, Termasuk Pembahagian Keuntungan Bersama Dengan Laporan Juraudit bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2025.
- 2.6 **Menimbang dan Meluluskan** Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2026 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2027.

- 
- 2.7 **Meluluskan** Elaun-Elaun Kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan Saraan kepada Anggota Lembaga Yang Dilantik Sebagai Pengarah Kepada Subsidiari Koperasi
 - 2.8 **Menimbang dan Meluluskan** Ruang Lingkup dan Had Pelaburan Yang Dibiayai Oleh Wang Lebihan Koperasi ini.
 - 2.9 **Menentukan** Had Maksimum Keterhutangan Koperasi
 - 2.10 **Meluluskan** Perlantikan Suatu Panel Firma Audit Untuk Mengaudit Akaun koperasi Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2026.
 - 2.11 **Mendengar, menimbang atau memutuskan** apa-apa cadangan atau Urusan Perniagaan lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan :
 - 2.11.1 Usul Anggota Lembaga
 - 2.11.2 Usul-usul Anggota
 - 2.12 **Pelantikan dan Pemilihan Anggota Lembaga :**
 - a. Memilih Tiga (3) orang bagi mengisi kekosongan jawatan Anggota Lembaga untuk penggal 2026 - 2029 tiga (3) tahun.
 - b. Usul Pelantikan Dua (2) Orang Wakil Kerajaan Negeri Dalam Anggota Lembaga Yang Dicalonkan oleh Kerajaan Negeri Pahang.
3. Cadangan - cadangan yang berupa usul **hendaklah disampaikan kepada Setiausaha, Koperasi Serbausaha Makmur Berhad pada atau sebelum 12 Jun 2026 jam 12.00 tengah hari.**

**“KOSMA PERKASA, ANGGOTA TERBELA”
‘MAJU BERSAMA KOPERASI’**

Dengan perintah lembaga,



CR ABDUL HAMID BIN GHAZALI
Setiausaha
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad

s.k. Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Pahang

NOTA PENTING :-

1. Seperti yang dicadangkan dalam Mesyuarat Agung Tahunan yang lepas, Anggota - Anggota KOSMA adalah diminta supaya tidak membawa ahli keluarga yang bukan merupakan anggota KOSMA ke dalam dewan mesyuarat. Ahli keluarga yang mengiringi anggota ke Mesyuarat Agung bolehlah menunggu di mana-mana tempat di luar dewan.
2. Anggota - anggota KOSMA adalah diingatkan **bahawa penama atau wakil mereka adalah tidak dibenarkan mendaftar, mengambil elaun mesyuarat atau mengundi.** Justeru itu, Anggota - anggota adalah dinasihatkan supaya membawa kad pengenalan masing - masing dan kad keanggotaan KOSMA bagi mengelakkan sebarang masalah yang mungkin timbul.
3. Kaunter pendaftaran akan dibuka seperti berikut :
 - i. pada hari Mesyuarat Agung iaitu **20 Jun 2026** mulai dari jam **07.30 pagi hingga pukul 11.00 pagi di Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Pahang.** Anggota - Anggota adalah diminta hadir dalam tempoh pendaftaran berkenaan **untuk melayakkan mereka mengundi.** Kaunter pendaftaran lewat akan dibuka sehingga **jam 12.30 tengah hari** bagi tujuan daftar kehadiran sahaja.



**Kata Alu-Aluan
Yang Berhormat Menteri Pembangunan
Usahawan Dan Koperasi
Steven Sim Chee Keong**

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ahli Lembaga Koperasi serta seluruh anggota Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) atas kejayaan menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-41 pada tahun ini.

Penganjuran mesyuarat ini mencerminkan komitmen berterusan KOSMA untuk terus bergerak seiring dengan aspirasi Kerajaan dalam memperkukuh sektor koperasi sebagai salah satu pemacu utama ekonomi negara.

Saya amat yakin bahawa KOSMA akan terus mempergiat usaha dalam memantapkan aktiviti perniagaan serta memperkukuh pengurusan koperasi berlandaskan prinsip dan falsafah koperasi agar pencapaian yang diraih pada tahun ini dapat diteruskan dan ditingkatkan pada masa hadapan.

Tahun 2025 mencatatkan pencapaian yang amat membanggakan bagi KOSMA apabila berjaya mencatatkan prestasi kewangan yang kukuh serta kecekapan pengurusan yang berdaya saing. Pencapaian ini turut disokong oleh penglibatan aktif anggota dalam tadbir urus menjadikan KOSMA sebuah koperasi yang progresif, berdaya tahan dan terus relevan dalam menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi anggotanya.

Saya memperkenalkan aspirasi “Hebatkan Perniagaan Malaysia” sebagai wadah perjuangan keusahawanan termasuk koperasi yang perlu kita dokong bersama.

Gerakan sektor koperasi di Malaysia mempunyai potensi sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan terutamanya dalam memperkasakan komuniti setempat. Dalam merealisasikan agenda ini, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) kekal komited dalam memperkukuh ekosistem koperasi melalui dasar, akta, insentif dan bantuan yang berterusan.

Akhir kata, saya berharap KOSMA akan terus melakar kejayaan serta kekal sebagai contoh koperasi unggul dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara dan kesejahteraan anggotanya.

Sekian, terima kasih.

STEVEN SIM CHEE KEONG



Kata Alu-Aluan
YAB Menteri Besar Pahang
Dato' Sri DiRaja Haji Wan Rosdy
Bin Wan Ismail,

SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Maju Terus Pahang dan Salam Pahang Ist.

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada barisan kepimpinan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) kerana telah berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-41 pada tahun ini.

Kejayaan menganjurkan mesyuarat agung ini mencerminkan komitmen serta kesungguhan pihak pengurusan dalam memastikan tadbir urus koperasi dilaksanakan dengan baik.

Saya juga merakamkan penghargaan dan tahniah kepada KOSMA yang terus mencatatkan prestasi kewangan yang membanggakan melalui pengurusan pentadbiran yang cekap dan sistematik.

Prestasi tahun 2025 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun 2024, dengan pendapatan ladang meningkat kepada RM273.13 juta berbanding RM224.88 juta pada tahun sebelumnya, manakala keuntungan bersih meningkat kepada RM177.63 juta berbanding RM134.17 juta.

Selain pembayaran dividen unit ladang yang memberangsangkan kepada para anggota, saya juga amat menghargai inisiatif KOSMA dalam menyalurkan pelbagai bentuk bantuan kepada anggota seperti Bantuan Ekonomi serta bantuan sempena perayaan.

Usaha ini jelas menunjukkan keprihatinan KOSMA terhadap kebajikan anggotanya dengan mengambil kira kepelbagaian kaum yang terdapat dalam kalangan anggota koperasi ini.

Akhir sekali, saya berharap agar para anggota dapat membuat pilihan yang bijaksana dalam memilih barisan kepimpinan KOSMA bagi menerajui koperasi ini pada sesi yang akan datang.

Pemilihan kepimpinan yang berwibawa, berintegriti dan berwawasan amat penting bagi memastikan KOSMA terus berkembang maju serta memberi manfaat yang berterusan kepada seluruh anggotanya.

Sekian, terima kasih.

DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL,
SDSA., SSAP., SUMW., DSAP., DIMP., SMP., AMP.



**Perutusan
Ketua Pegawai Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Noor Afifah Binti Abdul Razak**

Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Malaysia MADANI.

Buku Laporan Tahunan ini mencerminkan komitmen Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) untuk terus mengamalkan ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti dalam mengemudi organisasi ke arah pertumbuhan yang mampan. Dalam persekitaran ekonomi yang semakin kompleks dan mencabar, keupayaan sesebuah institusi untuk kekal relevan bergantung kepada kekuatan kepimpinannya, disiplin pengurusan serta kejelasan hala tuju strategik.

Sebagai sebuah koperasi yang telah mencapai tahap kematangan, KOSMA berada pada kedudukan yang menuntut pendekatan pengurusan yang lebih strategik dan berpandangan jauh. Tadbir urus yang kukuh, pematuhan kawal selia yang konsisten serta pengurusan risiko yang berkesan bukan lagi pilihan, sebaliknya prasyarat kepada kelestarian organisasi dan perlindungan kepentingan anggota dalam jangka panjang.

Prestasi dan perkembangan perniagaan koperasi perlu sentiasa dilihat seiring dengan kualiti tadbir urusnya. Dalam hal ini, keupayaan KOSMA untuk mengimbangi pencapaian komersial dengan amanah kepada anggota mencerminkan kematangan institusi serta kefahaman yang jelas terhadap tanggungjawab fidusiari. Pendekatan ini penting dalam membina keyakinan anggota dan pihak berkepentingan, khususnya dalam kalangan anggota yang mempunyai jangkaan tinggi terhadap prestasi dan ketelusan.

Selaras dengan aspirasi Dasar Koperasi Malaysia 2030 dan agenda Malaysia MADANI, Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) akan terus melaksanakan peranan kawal selia secara progresif dan berasaskan risiko, bagi memastikan koperasi berkembang secara beretika, berdaya tahan dan mampan.

Saya yakin dengan kepimpinan yang berwibawa, sokongan anggota yang berpengetahuan serta komitmen berterusan terhadap tadbir urus yang baik, KOSMA berupaya untuk terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai sebuah koperasi berprestasi tinggi dan menjadi rujukan dalam gerakan koperasi negara.

Sekian, terima kasih.



NOOR AFIFAH BINTI ABDURAZAK



**Kata Alu-Aluan
Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Negeri Pahang
Tuan Mohd Firdaus Bin Shaari,
B.C.M.**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam Sejahtera, Salam Koperasi dan Salam Pahang Ist.

Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) dapat melaksanakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) Kali Ke-41 bagi Tahun 2026. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), pihak pengurusan, serta seluruh anggota KOSMA atas dedikasi yang tidak berbelah bahagi dalam memacu kecemerlangan KOSMA sebagai antara koperasi terbesar di Negeri Pahang.

Sejak ditubuhkan pada 4 Disember 1967, KOSMA telah menggalas amanah yang besar untuk menjadi penggerak ekonomi rakyat khususnya di bumi Negeri Pahang. Hari ini, saya amat berbangga melihat KOSMA bukan sahaja kekal relevan, malah mencatatkan peningkatan pendapatan serta keuntungan perniagaan yang amat memberangsangkan, terutamanya dalam sektor perladangan. Kejayaan ini adalah bukti bahawa gerakan sesebuah koperasi itu mampu mengurus sumber asli negeri Pahang dengan bijaksana sekaligus menghasilkan pulangan yang melimpah-ruah. Pencapaian ini meletakkan KOSMA sebagai penggerak kepada pengurusan hasil bumi negeri serta berupaya menjadi contoh kepada koperasi lain di seluruh negara.

Namun, di sebalik angka keuntungan yang besar, ingin ditegaskan bahawa kecemerlangan perniagaan mestilah berjalan seiring dengan integriti dan tabdir urus koperasi. Kepatuhan kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi, Garis Panduan, Undang-Undang Kecil (UUK) serta perundangan semasa sedia ada adalah mandatori dan tiada kompromi. Sistem tabdir urus yang telus dan akauntabiliti yang tinggi adalah "insurans" terbaik untuk melindungi aset koperasi serta kelestarian perniagaan pada masa hadapan. Kepemimpinan yang berintegriti bukan sahaja memastikan kelestarian perniagaan, malah ia adalah tunjang utama dalam mengekalkan kepercayaan anggota.

Kepentingan semangat kebersamaan antara anggota perlu sentiasa dipupuk. Kelestarian KOSMA tidak hanya terletak di bahu Anggota Lembaga Koperasi semata-mata, tetapi ia bergantung kepada kesatuan hati seluruh anggotanya. Koperasi yang kuat bukanlah kerana modalnya yang besar, tetapi kerana anggotanya yang bersatu dan setia yang sentiasa ada bersama koperasi di waktu susah dan senang. Saya menyeru agar setiap anggota terus memberikan sokongan padu, menjaga keharmonian dan mengelakkan sebarang perpecahan yang boleh merencatkan pertumbuhan koperasi. Kebersamaan inilah yang akan memastikan KOSMA terus teguh mendepani cabaran ekonomi pada masa akan datang.

Saya juga mengharapkan agar KOSMA terus memainkan peranan dalam mendukung agenda Dasar Keusahawanan Nasional 2030, dengan sasaran sumbangan sektor koperasi sebanyak RM100 bilion kepada KDNK. Saya yakin, dengan rekod prestasi perniagaan khususnya perladangan yang cemerlang, KOSMA mampu menjadi penyumbang utama dalam rantaian pendapatan negara melalui gerakan koperasi.

Akhir kata, syabas kepada KOSMA! Teruskan kecemerlangan ini dengan penuh integriti dan semangat kekeluargaan. Semoga MAT pada kali ini membuahkan keputusan yang berhemah demi masa depan yang lebih makmur. Sekian, terima kasih.


TUAN MOHD FIRDAUS BIN SHAARI
B.C.M.



**Kata Alu-Aluan
Pengerusi
Koperasi Serbausaha Makmur Berhad
Dato' Haji Zamri Bin Mohamed
DIMP.**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita sekali lagi diberi kesempatan untuk berkumpul bagi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Kali Ke-41 pada tahun ini. Semoga kita semua dikurniakan kesihatan yang baik serta dipanjangkan usia agar dapat terus bersama-sama menyokong KOSMA untuk menjadi koperasi yang terbaik dari semasa ke semasa.

Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang di atas titah nasihat dan keperihatinan berterusan baginda terhadap KOSMA selama ini.

Tidak lupa juga kepada YAB Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail serta Kerajaan Negeri Pahang yang sentiasa menyokong dan memberikan bantuan dan kerjasama yang baik kepada KOSMA.

Penghargaan turut ditujukan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) kerana sentiasa menyelia dan memberikan panduan serta bantuan kepada KOSMA demi memastikan KOSMA terus berada di landasan yang betul


Alhamdulillah, apabila sebut tentang pencapaian KOSMA bagi tahun 2025, semua ahli pasti akan tersenyum. Hal ini kerana, KOSMA telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan baik dari segi penghasilan mahupun dari segi keuntungannya. Untuk makluman semua, penghasilan BTB Ladang KOSMA bagi tahun 2025 telah meningkat kepada RM295 juta berbanding RM258 juta pada tahun 2024, sekaligus merupakan pencapaian tertinggi KOSMA sejak penubuhannya 59 tahun yang lalu.

Bukan itu sahaja, jumlah pendapatan KOSMA juga meningkat kepada RM327 juta berbanding RM288 juta pada tahun sebelumnya, manakala keuntungan bersih turut melonjak kepada RM162 juta berbanding RM132 juta pada tahun 2024.

Peningkatan ini disokong oleh pengeluaran hasil yang lebih tinggi serta harga komoditi sawit yang kekal stabil di pasaran. Tidak dinafikan faktor penting yang mendorong kepada kejayaan ini adalah disebabkan kecekapan dan keupayaan kerja daripada barisan lembaga pengarah, juruaudit dalam, jawatankuasa-jawatankuasa, pegawai-pegawai, kakitangan, pekerja asing serta semua yang terlibat. Ini membuktikan bahawa semangat kerja dan komitmen yang tinggi mampu membawa kepada penghasilan yang lebih baik serta mendorong kepada kejayaan KOSMA.

Bagi sektor perniagaan, Ar-Rahnu KOSMA yang beroperasi di dua cawangan iaitu di Kuantan dan Temerloh terus mencatatkan prestasi keuntungan yang baik. Walau bagaimanapun, bagi sektor perhotelan KOSMA iaitu KOSMA Business Hotel dan KOSMA Boutique Hotel telah mencatatkan pengurangan pendapatan pada tahun lalu. Oleh itu, ia akan terus diberi perhatian untuk penambahbaikan.

KOSMA juga telah melaksanakan pelbagai projek pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur di ladang termasuk menambah mesin ATM di Kompleks Perladangan, pembangunan tenaga solar, pembinaan jalan tar serta projek perumahan pekerja ladang bagi meningkatkan kemudahan kepada kakitangan dan tenaga kerja asing.



Pada penghujung tahun ini, KOSMA akan memfokuskan usaha dalam pembangunan perumahan kakitangan dan pembinaan kompleks kedua ladang demi meningkatkan kemudahan kepada kakitangan KOSMA.

KOSMA terus komited terhadap kebajikan anggota. Oleh itu, pelbagai bantuan telah disalurkan seperti bantuan ekonomi, bantuan Tahun Baharu Cina, bantuan Ramadan, bantuan Hari Raya Aidilfitri, Deepavali serta baru-baru ini insentif Hari Raya Haji. Selain itu, anggota turut ditawarkan tambahan satu unit ladang baharu yang berkuatkuasa pada Januari 2026 sebagai tanda penghargaan atas kesetiaan mereka kepada koperasi. Kakitangan juga tidak dilupakan dengan pemberian bonus dan insentif sebagai tanda penghargaan terhadap dedikasi dan komitmen mereka dalam memastikan KOSMA terus maju dan berdaya saing.

Pada 28 Mac 2026, KOSMA dengan berbesar hati telah turut serta menganjurkan Majlis Petarana Kasih Bersama Parlimen Bera sempena keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang ke Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera. Penganjuran majlis ini mencerminkan peranan dan usaha KOSMA dalam merapatkan hubungan antara pihak istana dan rakyat.

KOSMA juga memainkan peranan penting dalam masyarakat. Melalui Yayasan KOSMA yang dikawal selia oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Undang undang, Jabatan Perdana Menteri, pelbagai sumbangan telah disalurkan kepada rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan tanpa mengira bangsa dan agama. Ini melambangkan peranan besar Yayasan KOSMA dalam menjaga kebajikan rakyat dan negara ini.

Pada 24 April 2026, KOSMA telah dianugerahkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia sebagai sepuluh (10) Pembayar Cukai Terbaik 2025. Penganugerahan ini adalah merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan tertinggi kepada KOSMA yang secara tidak langsung membuktikan bahawa Koperasi juga mampu bersaing bersama dengan syarikat besar negara yang lain.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya sekali lagi ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang di atas keprihatinan kepada KOSMA. Penghargaan juga kepada Kerajaan Negeri Pahang di bawah kepimpinan YAB Menteri Besar Pahang di atas sokongan berterusan kepada KOSMA.


Ucapan terima kasih turut dirakamkan kepada YB Menteri KUSKOP serta Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di peringkat negeri dan persekutuan di atas bantuan dan sokongan berterusan yang diberikan.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh anggota di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada Anggota Lembaga dan pihak Pengurusan KOSMA untuk terus menerajui koperasi ini. Marilah kita bersama-sama memelihara perpaduan dan mengelakkan sebarang unsur yang boleh memecah belah dan merosakkan keharmonian yang sedia ada.

Semoga segala usaha yang dilaksanakan akan terus menjadikan KOSMA sebuah Koperasi yang berjaya.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.



DATO' HAJI ZAMRI BIN HAJI MOHAMED, DIMP.

MAKLUMAT PENTING KOSMA

ANGGOTA LEMBAGA

Pengerusi

YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed, DIMP.

Timbalan Pengerusi

YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Haji Abdullah, DIMP., SMP., AMN.

Setiausaha

Cr Abdul Hamid bin Ghazali, PJPN., AMP., PPA.

Bendahari

Puan Hajah Zuraida binti Aw. Said, PKC.

Wakil Kerajaan

- YB Dato' Sri Haji Syed Ibrahim bin Syed Ahmad SSAP., DIMP., AMP., AMN.
- YB Dato' Haji Mohammad Fakhrudin bin Mohd Ariff DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT.

Anggota Lembaga

- Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin
- Tuan Haji Jamil bin Ninggal
- YH Dato' Kurnia Bistari Dato' Haji Mohamed Arifin bin Awang Ismail DIMP., AAP., BCM., PKT., PJK
- YH Dato' Jisshaelyz bin Hamzah, DIMP.
- Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman (Digantung sebagai Anggota Lembaga)

MAKLUMAT PENGURUSAN IBU PEJABAT DAN LADANG

Pengurus Kanan Perladangan

Encik Yusof bin Jaafar

Pengurus Kanan Pentadbiran

Puan Norhanisah binti Jaafar

Pengurus Kanan Operasi

Encik Muhamad Rizal bin Abdul Hadi

Pengurus Kewangan

Puan Nur' Amalina binti Shamsul Anuar

Pengurus Ladang

Encik Mohd Razuan bin Mustapa Kamar

Encik Mohd Shahril bin Abdullah

Encik Dicky Harrys bin Jamin

Encik Mohd Yassin bin Ali

Encik Hamzah bin Abdullah

Encik Mohd Fawzul Hazim bin Isamuddin

Encik Mohd Isrofi bin Khalid

Encik Zafari bin Mohamad

ALAMAT BERDAFTAR KOPERASI SERBAUSAHA MAKMUR BERHAD (KOSMA)

B 8032, Sri Kuantan Square
Jalan Teluk Sisek, 25000
Kuantan, Pahang Darul Makmur

SYARIKAT SUBSIDIARI

KOSMA Holdings Sdn Bhd (100%)

KOSMA Tourism Sdn Bhd (100%)

SYARIKAT BERSEKUTU MENGURUSKAN KILANG KOSMA

(Wujud Wawasan Sdn Bhd)
KOSMA 49%

Kilang Wujud Wawasan Sdn Bhd 51%

YAYASAN KOSMA

YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA

BANK-BANK

1. Bank Muamalat (M) Berhad
2. CIMB Islamic Bank Berhad
3. Malayan Banking Berhad
4. RHB Bank Berhad
5. Bank Kerjasama Rakyat Berhad

KEANGGOTAAN DALAM KOPERASI LAIN

1. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia : Modal Syer - RM1,025,665
2. Co-opbank Pertama : Modal Syer - RM3,810,539.55
3. Konsortium Penyelaras Koperasi Negeri Pahang Berhad : Modal Syer - RM20,000

4. Koperasi Pembangunan Negara : Modal Syer - RM500

5. Koperasi Pembiayaan Syariah Angkasa Berhad (KOPSYA ANGKASA)
Modal Syer - RM3,870,073.53

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Ketua

Tuan Haji Ramlee bin Jantan

Setiausaha

Tuan Haji Mohd Rahim bin Awang

AJK

- Mejar (B) Haji Abdilllah bin Haji Ismail
- Tuan Haji Abdul Rafar bin Abd Rahman
- Encik Shah Amri bin Abd Aziz

JURUAUDIT LUAR

Al Jafree Salihin Kuzaimi
No 555, Jalan Samudra Utara 1
Taman Samudra. 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

AGEN PERCUKAIAN

Al Jafree Salihin Kuzaimi
No 555, Jalan Samudra Utara 1
Taman Samudra. 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan

PEGUAM

Tetuan Haji Ibrahim Kamaruddin & Associates
A9 & A11, Tingkat 2, Perdana Avenue (North Block),
Sri Dagangan 2, Jalan Tun Ismail 2
25000 Kuantan, Pahang Darul Makmur

Tetuan Abdul Hayyi & Shukri
Peguambela dan Peguamcara
No B-12A, Lorong Bukit Setongkol
Maju 21, Jalan Pintasan Bukit
Setongkol, 25200 Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tetuan Shazlin Najwa & Partners
Lot 2.37, Kompleks Teruntum
Jalan Mahkota, 25000 Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tetuan Razak, Rani & Co
Peguambela & Peguamcara
A21, 2nd Floor, Lorong Tun Ismail
9, Sri Dagangan II, 25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur

ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA



- | | | |
|----------|--|-------------------|
| 1 | YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed,
DIMP. | • Pengerusi |
| 3 | Cr Abdul Hamid bin Ghazali,
PJPN., AMP., PPA. | • Setiausaha |
| 5 | YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff,
DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. | • Wakil Kerajaan |
| 7 | Drs. Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin | • Anggota Lembaga |
| 9 | YH Dato' Kurnia Bistari Dato' Haji Mohamed Arifin
bin Awang Ismail,
DIMP., AAP., BCM., PKT., PJK | • Anggota Lembaga |

ANGGOTA-ANGGOTA LEMBAGA



- | | | |
|-----------|--|----------------------|
| 2 | YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Haji Abdullah,
DIMP., SMP., AMN. | • Timbalan Pengerusi |
| 4 | Puan Hajah Zuraida binti Aw Said,
PKC. | • Bendahari |
| 6 | YB. Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad
SSAP., DIMP., AMP., AMN | • Wakil Kerajaan |
| 8 | Tuan Haji Jamil bin Ninggal | • Anggota Lembaga |
| 10 | YH Dato' Jisshaelyz bin Hamzah,
DIMP. | • Anggota Lembaga |

SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

21 JUN 2025

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KALI KE 40
DI DEWAN JUBLI PERAK, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

28 JULAI 2025

MAJLIS MENGADAP KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI
ALMARHUM SULTAN HAJI AHMAD SHAH DI ISTANA ABDULAZIZ, KUANTAN.



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

31 JULAI 2025 MAJLIS PENGUMUMAN BAKI DIVIDEN OLEH MENTERI BESAR PAHANG DI PEJABAT MENTERI BESAR PAHANG.



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

9 OKTOBER 2025 KOSMA SERTAI KONVENSyen ANTI RASUAH 2025 ANJURAN PAKAR MALAYSIA DI PUTRAJAYA.



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

26 NOVEMBER 2025
MAJLIS APRESIASI KAKITANGAN KOSMA
DI ANCASA ROYALE HOTEL, PEKAN, PAHANG



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

2 DISEMBER 2025

**MAJLIS SERAHAN ZAKAT DISEMPURNAKAN OLEH
KEBAWAH DULI PADUKA BAGINDA SULTAN PAHANG, AL-SULTAN ABDULLAH
RI'AYATUDDIN AL-MUSTAFA BILLAH SHAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI AHMAD SHAH DI ISTANA ABDULAZIZ, KUANTAN, PAHANG.**



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

31 DISEMBER 2025 MAJLIS APRESIASI PEKERJA LADANG KOSMA DI DEWAN KOMPLEKS PERLADANGAN KOSMA



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

06 JANUARI 2026

MAJLIS KUNJUNG HORMAT PENGARAH SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
CAWANGAN NEGERI PAHANG DAN ROMBONGAN
KE KOMPLEKS PERLADANGAN KOSMA



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

19 JANUARI 2026 KUNJUNG HORMAT KEPADA KETUA POLIS PAHANG DI IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN PAHANG POLIS DIRAJA MALAYSIA



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

11 MAC 2026 MAJLIS PENGUMUMAN UNIT LADANG OLEH MENTERI BESAR PAHANG DI PEJABAT DAERAH JERANTUT, PAHANG



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

11 MAC 2026

KUNJUNG HORMAT & IFTAR PERDANA BERSAMA YDH CP DATO' SRI YAHAYA BIN OTHMAN, KETUA POLIS PAHANG DIKOMPLEKS PERLADANGAN KOSMA



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

28 MAC 2026

MAJLIS PETERANA KASIH SEMPENA KEBERANGKATAN
KEBAWAH DULI BAGINDA SULTAN PAHANG
KE MAJLIS JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI PARLIMEN BERA DAN KOSMA
TAHUN 2026 DI DEWAN KONVENSYEN MAJLIS DAERAH BERA



SOROTAN KALENDAR SESI 2025-2026

24 APRIL 2026

MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PEMBAYAR CUKAI TERBAIK 2025 OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI FADILLAH YUSOF DI DEWAN BANGSAWAN, MENARA HASIL CYBERJAYA, SELANGOR.





AGENDA : 1

KERTAS BIL : KMA.01/2026

AGENDA : 1.1

MENGESAHKAN PEMECATAN ATAU MENGETEPIKAN PENGGANTUNGAN JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA :

I. TUAN HAJI ISMAIL BIN ABD RAHMAN, NO. KAD PENGENALAN : 570601-06-5665 (ANGGOTA : 2784)

1.0 TUJUAN

Agenda ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Agung bagi mengesahkan pemecatan atau mengetepikan penggantungan jawatan Anggota Lembaga seperti berikut:-

- i. Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman, No. Kad Pengenalan : 570601-06-5665 (Anggota : 2784)

2.0 MAKLUMAN

(Agenda ini akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Kali Ke 41)

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung adalah dipohon untuk membuat keputusan samada mengesahkan pemecatan atau mengetepikan penggantungan jawatan Anggota Lembaga :

- i. Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman, No. Kad Pengenalan : 570601-06-5665 (Anggota : 2784)



AGENDA : 1.2

MENGESAHKAN PENGGANTUNGAN DAN MEMBUANG ATAU MENGETEPIKAN PENGGANTUNGAN KEANGGOTAAN ANGGOTA-ANGGOTA SEPERTI BERIKUT :

- I. TUAN HAJI ISMAIL BIN ABD RAHMAN, NO. KAD PENGENALAN : 570601-06-5665 (ANGGOTA : 2784)**
- II. ENCIK ZAIPUL BAHRIN BIN AWANG NONG, NO. KAD PENGENALAN : 590126-06-5153 (ANGGOTA : 2229)**

1.0 TUJUAN

Agenda ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Agung bagi mengesahkan penggantungan dan membuang atau mengetepikan penggantungan keanggotaan, anggota-anggota seperti berikut :-

- i. Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman, No. Kad Pengenalan : 570601-06-5665 (Anggota : 2784)
- ii. Encik Zaipul Bahrin bin Awang Nong, No. Kad Pengenalan : 590126-06-5153 (Anggota : 2229)

2.0 MAKLUMAN

(Agenda ini akan dibentangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Kali Ke 41)

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung yang bersidang pada hari ini adalah dipohon untuk membuat keputusan mengesahkan penggantungan dan membuang atau mengetepikan penggantungan ke atas dua (2) orang anggota berikut :-

- i. Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman, No. Kad Pengenalan : 570601-06-5665 (Anggota : 2784)
- ii. Encik Zaipul Bahrin bin Awang Nong, No. Kad Pengenalan : 590126-06-5153 (Anggota : 2229)



AGENDA : 2
KERTAS BIL : KMA.02/2026

MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-41 PADA 20 JUN 2026

1.0 TUJUAN

Kertas ini dikemukakan untuk pertimbangan Mesyuarat Agung melantik satu Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung KOSMA Ke-41 pada 20 Jun 2026.

2.0 MAKLUMAN

Undang-Undang Kecil 32 (1) (1) berbunyi : -

Melantik suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung tahunan.

3.0 KEPUTUSAN

Mesyuarat Agung adalah disyorkan untuk : -

3.1 Melantik enam (6) orang Anggota KOSMA sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke 41 dan


3.2 Memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk memilih empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi sebagai Anggota Jawatankuasa untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-41.




AGENDA : 3
KERTAS BIL : KMA.03/2026

**MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40
PADA 21 JUN 2025**

Dengan ini adalah diakui Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-40 telah pun dibentangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Menentusah Draft Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke-40 pada 2 Julai 2025 yang diperturunkan tandatangan kami sebagai akuan semakan tersebut.



DATO' HAJI ZAMRI BIN MOHAMED
Pengerusi




**DATO' HAJI MOHD SABRI
BIN HAJI ABDULLAH**
Timbalan Pengerusi




**CR ABDUL HAMID
BIN GHAZALI**
Setiausaha




**HAJAH ZURAIDA
BINTI AW SAID**
Bendahari




**DATO' KHAIRUDDIN
BIN MAHMUD**
Anggota Jawatankuasa




**MOHD NAIM
BIN MUDZAHAR**
Anggota Jawatankuasa




**KAMARULZAMAN
BIN HASSAN**
Anggota Jawatankuasa



**AHMAD MUSTAFFA
BIN HAJI ZAINALABIDIN**
Anggota Jawatankuasa



**MOHD ISHA
BIN IBRAHIM**
Anggota Jawatankuasa



**SARIMAH
BINTI HUDRI**
Anggota Jawatankuasa

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-40

TARIKH : 21 JUN 2025 (SABTU)

MASA : 8.00 PAGI

TEMPAT : DEWAN JUBLI PERAK SULTAN HAJI AHMAD SHAH, KUANTAN

A. KEHADIRAN

1. KEHADIRAN ANGGOTA LEMBAGA :-

- | | |
|--|----------------------|
| i. YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed | - Pengerusi |
| ii. YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Haji Abdullah | - Timbalan Pengerusi |
| iii. Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman | - Setiausaha |
| iv. Puan Hajah Zuraida binti Aw Said | - Bendahari |
| v. YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad | - Wakil Kerajaan |
| vi. YB Dato' Haji Mohammad Fakhrudin bin Mohd Ariff | - Wakil Kerajaan |
| vii. Tuan Haji Alias bin Mohamad Nor | - Anggota Lembaga |
| viii. YH Dato' Jisshaelyz bin Hamzah | - Anggota Lembaga |
| ix. Cr Abdul Hamid bin Ghazali | - Anggota Lembaga |
| x. YH Dato' Kurnia Bistari Dato' Haji Mohamed Arifin
bin Awang Ismail | - Anggota Lembaga |
| xi. Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin | - Anggota Lembaga |

2. KEHADIRAN ANGGOTA

Jumlah kehadiran anggota adalah seramai 1217 orang, tidak termasuk Anggota mendaftar lewat 13 orang (tidak layak mengundi).

Senarai Kehadiran di LAMPIRAN 'A'.

3. TURUT HADIR :-

- | | |
|--|---|
| i. Tuan Ibrahim bin Husain | - Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Cawangan Negeri Pahang |
| ii. Encik Muhammad Najmiyuddin bin Azlen | - Juruaudit Luar KOSMA
Pengarah Audit
Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT |
| iii. Encik Aliff Ikhwan bin Mohamad | - Juruaudit Luar KOSMA
Rakan Kongsi Audit
Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT |
| iv. Tuan Haji Ibrahim bin Kamaruddin | - Tetuan Ibrahim Kamaruddin &
Associates |

B. BACAAN DOA

Dipimpin oleh YBrS Dr Sharafuddin Aisa bin Osman



C. TAYANGAN VIDEO KORPORAT KOSMA

D. UCAPAN PENERUSI KOSMA

YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed - Lampiran 'B'

E. PENYAMPAIAN ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK

F. PENYAMPAIAN ANUGERAH TOKOH KOSMA

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE - 40

ALUAN PENERUSI MESYUARAT

YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed, selaku Pengerusi Mesyuarat mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran Anggota Lembaga serta semua anggota yang hadir. Beliau seterusnya mengisytiharkan Mesyuarat Agung Tahunan Ke 40 dimulakan. Pengerusi turut memaklumkan bahawa Notis bagi Mesyuarat Agung pada hari ini, iaitu pada 21 Jun 2025 (Sabtu), jam 8.00 pagi bertempat di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Lot 5093, Jalan Haji Ahmad Shah, 25050 Kuantan, Pahang. Tanpa melengahkan masa beliau memulakan Mesyuarat Agung dengan agenda pertama.

AGENDA 1.0

MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARIPADA ENAM (6) ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TERMASUK PENERUSI UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-40 PADA 21 JUN 2025 - KMA 01 / 2025

- 1.1 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** membentangkan Kertas Mesyuarat Bil-KMA 01/2025 (Muka surat 17) iaitu Melantik Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-40 pada 21 Jun 2025 yang terdiri daripada enam (6) orang anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi KOSMA.
- 1.2 **Encik Rofli bin Mohamed (Anggota : 2057)** mencadangkan nama-nama anggota untuk lantikan sebagai Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Kali Ke-40 iaitu :
 - i. YB Dato' Khairuddin bin Mahmud (Anggota :2962)
 - ii. Encik Mohd Naim bin Mudzahar (Anggota : 2801)
 - iii. Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623-A)
 - iv. Encik Mohd Isha bin Ibrahim (Anggota : 2009)
 - v. Puan Sarimah bt Hudri (Anggota : 2371)
 - vi. Encik Kamarulzaman bin Hassan (Anggota : 2074)
- 1.3 **Tuan Haji Zainal Ashikhin bin Ibrahim (Anggota : 2672-A)** menyatakan bahawa berdasarkan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Undang-Undang Kecil (UUK), setiap anggota hanya dibenarkan mencadangkan satu nama anggota sahaja.
- 1.4 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menyatakan tiada aturan seperti yang dinyatakan tetapi jika anggota berkenaan ingin mencadangkan lagi nama calon maka dia boleh mencadangkannya. Beliau turut menjelaskan di dalam Undang-undang hanya menyatakan setiap anggota hanya boleh mengemukakan satu undi.
- 1.5 **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)** mencadangkan pencalonan ditutup.

1.6 Senarai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke 40 dari kalangan anggota adalah seperti berikut :-

- | | |
|--|--------------------|
| i. YB Dato' Khairuddin bin Mahmud | (Anggota :2962) |
| ii. Encik Mohd Naim bin Mudzahr | (Anggota : 2801) |
| iii. Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin | (Anggota : 2623-A) |
| iv. Encik Mohd Isha bin Ibrahim | (Anggota : 2009) |
| v. Puan Sarimah bt Hudri | (Anggota : 2371) |
| vi. Encik Kamarulzaman bin Hassan | (Anggota : 2074) |

1.7 Mesyuarat Agung pada hari ini bersetuju Enam (6) orang anggota yang dipilih seperti di atas dan Empat (4) orang Anggota Lembaga dilantik sebagai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 40. Pemilihan bagi Empat (4) orang Anggota Lembaga tersebut akan diserahkan kepada barisan lembaga untuk menentukannya.

AGENDA 2.0

MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOSMA KE-39 PADA 25 MEI 2024 - KMA 02/2025

2.1 **Setiausaha KOSMA, Tuan Haji Ismail bin Abdul Rahman** membentangkan Kertas Bil-KMA 02/2025 iaitu bagi Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) KOSMA Ke 39 pada 25 Mei 2024 di Dewan Kompleks Sukan Universiti Malaysia (UMP) Pahang (muka surat 18 sehingga 65).

2.2 **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abd Rahman (Anggota : 2175-A)** mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa kerana mencapai satu tahap kecemerlangan yang baharu. Seterusnya beliau merujuk di muka surat 18 dan 19, iaitu Agenda 2 – Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-39 pada 25 Mei 2024.


Beliau menarik perhatian kepada kenyataan berikut: *“Dengan ini diakui bahawa Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Ke-39 telah dibentangkan dan disemak oleh Jawatankuasa Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Koperasi Ke-39 pada 25 Mei 2024.”*


Berdasarkan petikan ayat tersebut, Mesyuarat Agung Tahunan diadakan pada 25 Mei 2024 dan pengesahan oleh Jawatankuasa dicatatkan pada tarikh yang sama. Sehubungan itu, beliau memohon penjelasan sama ada pengesahan minit benar-benar dilakukan pada hari yang sama, siapakah yang menyediakan draf minit tersebut, dan pada jam berapakah proses pengesahan itu dijalankan.

2.3 **Setiausaha KOSMA, Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman** menjelaskan bahawa semakan minit mesyuarat ini tidak dibuat pada hari yang sama tarikh dengan Mesyuarat Agung. Proses semakan hanya dilakukan selepas minit ini disediakan, disemak dan dicetak untuk Bahagian Pentadbiran, baru dibawa untuk penentusahan oleh Jawatankuasa ini. Penentusahan dibuat berdasarkan kepada apa yang telah diputuskan, dicatat dan dibincangkan di dalam Mesyuarat Agung dengan merujuk kepada rekod, samada dalam bentuk digital mahupun manual. Beliau turut menegaskan yang dimaksudkan di sini bukan minit ini ditentusahkan pada hari tersebut tetapi bermaksud penentusahan Minit Mesyuarat Agung KOSMA Ke 39 yang diadakan pada 25 Mei 2024.

2.4 **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abd Rahman (Anggota : 2175-A)** mencadangkan agar tarikh penentusahan Minit Mesyuarat Agung tersebut dinyatakan di dalam minit berkenaan.

2.5 **Setiausaha KOSMA, Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman** menjelaskan bagi Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-40 ini, akan dicatatkan tarikh, hari dan waktu Jawatankuasa itu bersidang bagi membuat semakan minit mesyuarat tersebut.


- 
- 2.6 **Tuan Haji Amiruddin Bin Awang Mohamed (Anggota : 2513)** mencadangkan agar minit mesyuarat ini disahkan.
- 2.7 **YB Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman (Anggota: 2914)** memohon penjelasan kerana minit ini tidak menyatakan tarikh kuat kuasa pelaksanaan dan persetujuan usul yang dikemukakan kerana terdapat beberapa keputusan terdahulu melibatkan implikasi kewangan terhadap pentadbiran. Selain peningkatan keuntungan bersih, turut terdapat peningkatan kos yang signifikan. Beliau ingin tahu sama ada kos tersebut melibatkan perbelanjaan sepanjang tahun atau hanya bermula dari tarikh mesyuarat. Sebagai contoh, keputusan berkaitan elaun dan sebagainya, apabila mesyuarat bersetuju dengan usul tersebut, bermakna dianggarkan lebih kurang 50% daripada perbelanjaan yang ditanggung KOSMA pada tahun ini.
- 2.8 **Setiausaha KOSMA, Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman**, Setiausaha KOSMA, menjelaskan bahawa Mesyuarat Agung meluluskan belanjawan untuk tahun berikutnya, melibatkan dua perkara iaitu belanjawan sebenar tahun 2026 dan belanjawan pindaan. Pindaan berlaku apabila terdapat perbelanjaan melebihi atau kurang daripada peruntukan asal yang diluluskan tahun sebelumnya. Kadangkala pindaan ini di luar perancangan awal. Sebarang perbelanjaan yang dilaksanakan perlu dibawa untuk pengesahan Mesyuarat Agung berikutnya, kecuali jika kurang daripada 5%, yang tidak memerlukan kelulusan. Oleh itu, belanjawan turut mengandungi belanjawan tambahan atau pindaan.
- 2.9 **YB Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman (Anggota : 2914)** menyambung, sekiranya minit Mesyuarat Agung tahun lepas telah disahkan dan meluluskan kenaikan elaun khususnya kepada Anggota Lembaga pada pertengahan tahun, beliau ingin tahu tarikh kuat kuasanya.
- 2.10 **Setiausaha KOSMA, Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman** menjelaskan bahawa pelaksanaan akan berkuat kuasa sebaik sahaja mendapat kelulusan Mesyuarat Agung.
- 2.11 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menjelaskan bahawa keuntungan tahun 2024 adalah kerana peningkatan hasil pengeluaran serta harga pasaran yang tidak terlalu rendah. Sebagai contoh hasil sebelum ini sekitar 200 ribu tan setahun, manakala pada tahun 2024 meningkat kepada 270 ribu tan.
- 2.12 **Tuan Haji Jamil bin Ninggal (Anggota : 2785)** bersetuju dengan kenyataan YB Dato' Sri Norolazali. Beliau memberi contoh, jika anggaran hasil bulan ini 3,000 tan tetapi meningkat kepada 5,000 tan, secara langsung kos turut bertambah, termasuk kos aktiviti kerja ladang. Kos tersebut dikategorikan sebagai kos pengeluaran, di mana pada peringkat ladang tahun lepas ialah RM147/mt. Beliau menegaskan bahawa penghasilan adalah faktor paling penting kerana walaupun kadar harga buah telah ditetapkan, pendapatan tetap berbeza mengikut jumlah hasil.
- 2.13 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** mengucapkan terima kasih atas penjelasan tersebut dan memaklumkan bahawa Tuan Haji Jamil bin Ninggal adalah Ahli Jawatankuasa Audit Perladangan KOSMA. Beliau menyatakan bahawa apabila hasil dan kerja bertambah, kos turut meningkat, namun dalam masa yang sama keuntungan juga meningkat.
- 2.14 **YB Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman (Anggota : 2914)** memaklumkan '*fixed cost*' dalam laporan tersebut hanya 50% kerana ia dikuatkuasakan pada pertengahan tahun. Walaupun tidak disokong dalam Mesyuarat Agung, mandat telah diberikan kepada Anggota Lembaga untuk pengesahan. Oleh itu kenaikan kos yang beliau nyatakan tadi hanya 46% atau separuh dan pada tahun ini ia akan menjadi penuh. Beliau turut mempersoalkan sama ada keberhasilan juga akan meningkat 100%.

- 
- 2.15 **Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota : 2153)** berpendangan pengesahan minit ini hanya melibatkan perkara yang berlaku dan dibincangkan dalam mesyuarat terdahulu. Isu seperti kos turun naik sepatutnya dibangkitkan semasa pembentangan akaun. Beliau menyatakan pendapat ini berdasarkan pengalamannya di koperasi dan menyokong supaya minit ini disahkan.
- 2.16 **Atas cadangan Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota : 2153)** dan disokong oleh **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)**, Mesyuarat Agung sebulat suara bersetuju mengesahkan dan menerima Minit Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA Kali Ke 39 pada 25 Mei 2024.

AGENDA 3.0

MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2024/2025- KMA 03/2025


- 3.1 **Timbalan Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Abdullah** membentangkan Kertas Bil-KMA 03/2025 iaitu Menimbang Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2024/2025. (muka surat 66 - 82)
- 3.2 **Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh (Anggota : 1789-A)** menarik perhatian dengan merujuk muka surat 68, perkara 3.4 (11), berkaitan jawatan Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin iaitu Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Keanggotaan dan Kebajikan Anggota bermula 26.11.2025 - 28.02.2025. Beliau berpendapat kemungkinan terdapat kesilapan taip.
- 3.3 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** mengucapkan terima kasih atas teguran tersebut dan memaklumkan kesilapan taip itu akan dibetulkan kepada tarikh sebenar, iaitu bermula 26.11.2024 hingga 28.02.2025.
- 3.4 **Puan Juanna binti Abu Kassim (Anggota : 1965)** merujuk muka surat 74 mengenai Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu :-
- Menyoal sepanjang tempoh satu penggal, mengapa Mesyuarat Jawatankuasa Ar-Rahnu hanya diadakan dua (2) kali mesyuarat sahaja iaitu 31 Julai dan 28 Oktober 2024.
 - Seterusnya beliau memaklumkan tentang keadaan bangunan Ar-Rahnu KOSMA yang retak dan isu keselamatan pekerja adalah tidak terjamin. Berbanding pajak gadaai lain, apabila memasuki premis Ar-Rahnu, pelanggan akan terus berjumpa dengan Pegawai. Beliau mencadangkan agar bangunan tersebut diubahsuai dan berharap Anggota Lembaga yang baharu memberi perhatian serius memandangkan Ar-Rahnu juga merupakan penyumbang kepada KOSMA.
- 3.5 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** memaklumkan bahawa Puan Juanna binti Abu Kassim baru bersara sebagai kakitangan KOSMA. Beliau seterusnya meminta Pengerusi Jawatankuasa Ar-Rahnu memberi jawapan terhadap soalan yang dibangkitkan.
- 3.6 **Bendahari KOSMA, Puan Hajah Zuraida binti Aw. Said** menjelaskan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Ar-Rahnu tidak sempat dilaksanakan pada tahun 2025 disebabkan kekangan tugas di Ar-Rahnu sendiri. Prestasi dan kedudukan kewangan sebenarnya stabil dengan keuntungan memberangsangkan. Walaupun terdapat kekosongan jawatan, tindakan pengisian sedang diambil. Beliau memaklumkan bahawa beberapa kali mencadangkan agar mesyuarat diadakan, namun dimaklumkan pegawai Ar-Rahnu mengatakan tidak ada kesempatan. Selain itu, berlaku pertukaran penempatan kakitangan antara cawangan Temerloh dan Kuantan bagi tujuan penambahbaikan pentadbiran.

- 
- 3.7 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** memaklumkan bahawa prestasi Ar-Rahnu adalah baik. Mengenai isu bangunan retak dan kedudukan bilik Pegawai, KOSMA sedang mencari lokasi baharu yang lebih sesuai kerana premis sedia ada akan digunakan oleh Hotel KOSMA yang memerlukan dewan lebih besar. Malah, bilik Yayasan KOSMA telah dijadikan ruang menunggu Ar-Rahnu. Beliau memberi jaminan bahawa teguran tersebut akan diberi perhatian dan berharap bangunan baharu kelak akan meningkatkan keselesaan pengguna dan kelancaran operasi Ar-Rahnu.
- 3.8 **Encik Badaruddin bin Haji Mokhtar (Anggota : 2393)** merujuk muka surat 68, para 3.4 iaitu Senarai Anggota Lembaga Penuh beserta jawatan:-
- i. Menyoal mengenai kedudukan di dalam jadual antara YH Dato' Kurnia Bistari Dato' Haji Mohamed Arifin bin Awang Ismail selaku Ahli Jawatankuasa Tugas-tugas Khas dan Perhubungan Korporat, dan Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin. Beliau mencadangkan agar nama Pengerusi diletakkan di atas sebagai menunjukkan kuasa sebagai Pengerusi Jawatankuasa.
 - ii. Selain itu, beliau mohon penjelasan mengenai tugas-tugas jawatankuasa tersebut.
- 3.9 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** memohon maaf atas kesilapan tersebut, memaklumkan ia akan dibetulkan. Beliau menjelaskan bahawa tugas Pengerusi Jawatankuasa Tugas-tugas Khas adalah penting, iaitu melaksanakan tugas khas seperti yang diarahkan oleh Pengerusi atau pihak pengurusan. Drs Kamarazaman selaku Pengerusi Jawatankuasa telah melaksanakan tugas dengan baik dan sering bersama beliau dalam melaksanakan tugas tersebut.
- 3.10 Atas cadangan **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)** dan disokong oleh **Tuan Haji Zainal Ashikhin bin Ibrahim (Anggota : 2672-A)**, Mesyuarat Agung sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun 2024/2025.

AGENDA 4.0

MENIMBANG DAN MELULUSKAN AKAUN-AKAUN TERAUDIT KOPERASI DAN SUBSIDIARINYA, JIKA ADA, TERMASUK PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN BERSAMA DENGAN LAPORAN JURUAUDIT BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 - KMA 04/2025

- 4.1 **Bendahari KOSMA, Puan Hajah Zuraida binti Aw. Said** membentangkan Kertas Bil-KMA 04/2025 iaitu bagi Menimbang dan Meluluskan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya jika ada, termasuk Pembahagian Keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024. (muka surat 83 dan merujuk Laporan dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024)
- 4.2 **YH Dato' Haji Azlan bin Uzir (Anggota : 2002)** membangkitkan mengenai perkara berikut:-
- i. Merujuk kepada Laporan dan Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2024, muka surat 6 dan memaklumkan bahawa KOSMA mencatatkan deposit dan tunai berjumlah RM131.6 juta. Namun, dalam Laporan Perbelanjaan Am, terdapat kerugian sebanyak RM5.865 juta, yang jika dibahagi kepada 1,500 anggota, bersamaan kerugian RM3,910 setiap anggota. Beliau memohon penjelasan punca kerugian tersebut dan langkah-langkah bagi memastikan koperasi tidak mengalami kerugian yang besar di masa akan datang.
 - ii. Beliau turut merujuk muka surat 43, Nota 16 - Deposit Tunai dan Bersamaan Tunai, Wang di Bank berjumlah RM67,715,533 (54%) manakala Wang Simpanan tetap berjumlah RM5,861,325 (64%). Beliau berpandangan supaya Koperasi perlu memastikan sekurang-kurangnya 60% pegangan tunai di bank dibuat simpanan tetap yang lebih selamat dan memberikan pulangan baik. Beliau menekankan agar



Bahagian kewangan Koperasi lebih berhati-hati supaya tidak mengalami kerugian besar pada masa hadapan.

- 4.3 Berkenaan kerugian berjumlah RM5.865 juta, **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed**, menjelaskan bahawa pada tahun 2021, Pentadbir KOSMA ketika itu, YH Dato' Zahari bin Ab Aziz, telah melabur sebanyak RM37 juta dalam Kenanga Investment Berhad (KIB). Pelaburan tersebut hanya memberi pulangan kecil dan wang KOSMA terikat selama lima tahun walaupun pada awalnya dimaklumkan hanya tiga tahun. Pelaburan ini dibuat sebelum kelulusan SKM diperolehi. Sepanjang tempoh itu, KOSMA hanya menerima pulangan sekitar RM3 juta sahaja. Lembaga KOSMA telah mengambil keputusan untuk mengeluarkan pelaburan tersebut bagi mengelakkan risiko lebih besar. Kes ini telah diserahkan kepada SKM untuk tindakan lanjut.
- 4.4 **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abd Rahman (Anggota : 2175-A)** mohon penjelasan daripada pihak SKM berhubung perkara tersebut.
- 4.5 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** memaklumkan Pegawai SKM yang bertanggungjawab adalah dari Ibu pejabat. Walau bagaimanapun beliau memberi ruang kepada SKM Cawangan Negeri Pahang untuk memberi penjelasan.
- 4.6 **Tuan Ibrahim bin Husain, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang** menjelaskan bahawa isu berkenaan sedang dibincangkan di peringkat SKM dan masih lagi dalam tindakan bersama Pentadbir terdahulu berikutan beberapa isu yang melibatkan Pentadbir lama yang turut menjadi sebab pertukaran Pentadbir ketika itu. Sekiranya KOSMA ingin membuat tuntutan atau tindakan lanjut, ia perlu dikemukakan secara bertulis kepada Ibu Pejabat SKM.
- 4.7 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** memaklumkan berdasarkan penjelasan Pengarah SKM, kes ini masih lagi dalam perbincangan.
- 4.8 **Encik Mohd Roslan bin Shamsuddin (Anggota : 2463)** menegaskan khusus kepada Pengarah SKM agar perkara seperti ini menjadi satu pengajaran kepada SKM supaya menghantar Pegawai yang benar-benar berkelayakan untuk mengurus koperasi seperti ini. Banyak perkara yang belum selesai dan integriti pegawai yang berkenaan boleh dipertikaikan.
- 4.9 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** mengucapkan terima kasih kepada beliau di atas pandangan dan peringatan tersebut.
- 4.10 **YH Dato' Mohd Mazlan bin Jusoh (Anggota: 1915)** memaklumkan bahawa isu ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Agung tahun lalu. Beliau telah menegur SKM selaku badan utama pergerakan koperasi kerana tidak mematuhi undang-undang sendiri. Beliau turut meminta SKM untuk membuat tindakan susulan dan bertanggungjawab atas kesilapan yang berlaku.
- 4.11 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** mengucapkan terima kasih atas pandangan YH Dato' Mohd Mazlan bin Jusoh.
- 4.12 **Puan Juanna binti Abu Kassim (Anggota : 1965)** bertanya mengenai tempoh pelaburan KOSMA selama lima tahun, namun ditarik keluar lebih awal dengan baki tempoh dua tahun lagi. Beliau ingin tahu tahun sebenar tamat tempoh pelaburan tersebut dan mempersoalkan mengapa KOSMA tidak menunggu hingga 2 tahun lagi. Beliau turut menyatakan bahawa kerugian yang ditanggung KOSMA hampir RM10 juta.
- 4.13 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menegaskan Anggota Lembaga telah mendapatkan pandangan dari Pegawai dan sebenarnya tempoh pelaburan itu telah tamat setelah 3 tahun dan Anggota Lembaga merasakan pelaburan tersebut


adalah salah. Lembaga juga dinasihatkan bahawa meneruskan suatu perkara yang salah boleh menyebabkan Anggota Lembaga turut bersalah dalam hal tersebut. Oleh itu, Mesyuarat Lembaga memutuskan untuk mengeluarkan pelaburan tersebut. Beliau turut memaklumkan bahawa perjanjian pelaburan tersebut adalah longgar dan perkara ini masih dalam siasatan SKM, maka tidak wajar untuk menuding jari kepada mana-mana pihak buat masa ini.

- 4.14 **Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh (Anggota: 1789-A)** bertanya sama ada wang RM37 juta tersebut telah diparkir atau dilaburkan di mana, dan adakah ia berada dalam akaun KOSMA.
- 4.15 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menjelaskan bahawa setakat ini wang tersebut belum dilaburkan semula dan masih berada dalam akaun bank.
- 4.16 Namun begitu, **Tuan Haji Shamsul Rijal** menyatakan rasa tidak puas hati dan meminta penjelasan lanjut mengenai butiran dalam akaun yang menunjukkan wang tersebut telah dimasukkan semula.
- 4.17 **Setiausaha KOSMA, Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman** menjelaskan bahawa walaupun KOSMA mengalami kerugian sebanyak RM5.8 juta, wang pelaburan tersebut telah dikeluarkan dan dimasukkan semula ke dalam bank. Namun, tidak dinyatakan secara khusus di bank mana wang itu dimasukkan. Beliau memaklumkan bahawa jumlah tersebut termasuk dalam angka wang tunai di tangan dan di bank seperti yang dinyatakan dalam laporan kewangan.
- 4.18 **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abd Rahman (Anggota : 2175-A)** merujuk Laporan Tahunan muka surat 88 mengenai perbandingan Belanja Sebenar 2024 dan Bajet 2025 melibatkan beberapa item seperti berikut:-

	Belanja Sebenar 2024 (RM)	Bajet 2025 (2025)
(3a) Perbelanjaan Lembaga		
Elaun tugas harian	0	432,000
Perbelanjaan Lain-lain Jawatankuasa dan Anggota		
Elaun tugas harian	300	648,000
Elaun mesyuarat	94,450	336,000
Perbelanjaan Pentadbiran Ibu pejabat		
Gaji, bonus dan elaun kakitangan	2,276,814	4,500,000
Yuran guaman	1,084,224	200,000


Beliau turut merujuk Minit Mesyuarat Agung Tahun lalu di muka surat 30 para 7.40 – iaitu cadangan dan sokongan bagi kelulusan agenda *pindaan bagi Elaun-elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam dan Saraan kepada Anggota Lembaga yang Dilantik sebagai Pengarah kepada Subsidiari Koperasi*. Beliau meminta penjelasan apakah cadangan asal dan butiran pindaan yang telah dipersetujui kerana perkara tersebut dilihat mengelirukan.

- 4.19 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** memaklumkan tadi sedang bincang agenda 4 tapi sekarang dah bincang agenda 5, nanti kedua-dua agenda ini akan diluluskan sekali. Berkenaan dengan muka surat 30, mesyuarat pada ketika itu telah bersetuju untuk meluluskan Elaun Anggota Lembaga dalam bentuk saraan. Ini adalah perkara yang telah dibuat oleh Pentadbir terdahulu. YH Dato Sri Ismail Mutalib juga telah membuat cadangan yang sangat bernas dan ia telah diluluskan dengan pindaan. Namun, cadangan Elaun Tugas tidak diluluskan kerana Anggota Lembaga telah menerima Elaun



Saraan, yang kini menyebabkan sedikit kesukaran kepada Anggota Lembaga yang sedia ada.

- 4.20 **Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota : 2153)** mengimbas semula usul yang dibentangkan iaitu berkaitan Elaun Mesyuarat Jawatankuasa yang dipinda dari RM750 kepada RM600. Wang tersebut memang masuk tapi dari segi akaunnya samada ia diletakkan di pendapatan, pulangan balik atau pulangan pelaburan.
- 4.21 **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abd Rahman (Anggota : 2175-A)** merujuk semula soalan terdahulu dan mohon penjelasan berhubung bajet tahun 2025 yang berganda serta item Yuran Guaman yang mencecah RMI juta.
- 4.22 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menyatakan terdapat 69 orang anggota telah membawa ke Tribunal dan KOSMA terpaksa melantik peguam dan mengeluarkan kos guaman.
- 4.23 **Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota : 2153)** merujuk semula kepada soalan berkaitan bajet sebenar (*actual*). Beliau menjelaskan bahawa angka yang dibentangkan hanyalah bajet.
- 4.24 **Encik Muhammad Najmiyuddin bin Azlen, Juruaudit Luar KOSMA** merujuk muka surat 14, Penyata Aliran Tunai Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2024 dan menjelaskan penyata-penyata ini telah disediakan selaras dengan piawaian standard perakaunan dan GP23 Pindaan 2020. Item Pengurangan dalam Pelaburan Dana Pasaran Wang berjumlah RM33,112,185 adalah merupakan wang daripada akaun dana pasaran wang kepada baki tunai dalam KOSMA.
- 4.25 **Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh (Anggota : 1789-A)** merujuk semula agenda 3, Laporan Tahunan, muka surat 79, para 6.9 - Kes Penipuan Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu Kuantan berhubung penipuan gadaian barang kemas oleh penggadai berjumlah 1,011.37 gram dengan nilai berjumlah RM242,460. Beliau ingin kepastian mengenai Aturan Ar-Rahnu bagi had aturan yang dibenarkan kepada Pengurus Ar-Rahnu meluluskan wang pinjaman atas gadaian tersebut.
- 4.26 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menyatakan bahawa kes tersebut sudah menjadi kes polis.
- 4.27 **Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota : 2153)** menerangkan bahawa penggadai membawa emas untuk digadai mengikut nilai semasa emas harian. Ar-Rahnu akan membayar berdasarkan peratusan yang ditetapkan dan tidak timbul isu berkaitan jumlah emas, tunai yang dibawa atau kadar bayaran.
- 4.28 **Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh (Anggota : 1789-A)** menyambung dan merujuk peruntukan UUK Fasal 48 - Liabiliti Anggota Lembaga. Beliau mencadangkan agar Anggota Lembaga dikenakan surcaj bagi menampung kerugian tersebut.
- 4.29 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menegaskan bahawa isu ini bukan kesalahan Anggota Lembaga tetapi masalah keselamatan kerana penggadai membawa emas dari tempat lain dan meletakkannya di Ar-Rahnu KOSMA. Kes ini kini dalam siasatan polis dan belum diperjelaskan sepenuhnya. Beliau menegur tindakan Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh yang ingin mengenakan surcaj kepada Anggota Lembaga tanpa menyelidiki punca sebenar perkara itu berlaku.
- 4.30 **YH Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Abd Muttalib (Anggota : 2416)** merakamkan penghargaan dan bangga atas kejayaan Anggota Lembaga memajukan KOSMA. Beliau dimaklumkan kes ini melibatkan penipuan oleh penggadai dan menjelaskan bahawa cadangan surcaj




bukanlah keputusan yang muktamad. Beliau ingin mengetahui tarikh laporan polis dibuat serta status terkini kes. Pandangan anggota lain boleh diterima dan tindakan wajar perlu diambil. Beliau berharap isu ini tidak dipanjangkan, namun tidak boleh dibiarkan begitu sahaja.

- 4.31 Merujuk Laporan Kewangan, muka surat 18, **Cik Zawatil Isyqi binti Mokhtar (Anggota : 2873)** memohon penjelasan mengapa kerugian sebanyak RM242,000 tidak direkodkan di dalam Penyata Untung Rugi Ar-Rahnu.
- 4.32 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menjawab ia tidak dapat dicatatkan lagi kerana kes ini masih belum selesai.
- 4.33 **Bendahari KOSMA, Puan Hajah Zuraida binti Aw. Said** menjelaskan bahawa kes ini masih dalam siasatan polis. Bukan hanya Koperasi ini sahaja yang terlibat, malah beberapa Ar-Rahnu lain turut menjadi mangsa. Polis kini menahan barang kes bernilai RM242,000. Difahamkan, penggadai mengambil barang kemas dari tempat kerjanya tanpa pengetahuan majikan, kemudian menggadaikannya di beberapa Ar-Rahnu. Setelah perkara ini terbongkar, semua Ar-Rahnu yang terlibat, termasuk Ar-Rahnu KOSMA, telah membuat laporan polis.
- 4.34 **Puan Norfini binti Saad (Anggota: 3131)** menambah bahawa perkara ini telah dimaklumkan sedang dalam siasatan polis dan mungkin mengambil masa yang lama. Puan Bendahari juga telah memaklumkan banyak Ar-Rahnu lain yang terlibat. Sekiranya mahu diambil tindakan, seperti mengenakan surcaj terhadap kakitangan atau mana-mana pihak, masih perlu tunggu siasatan polis selesai. Jika Timbalan Pendakwa Raya berpendapat ada kes untuk dibawa ke mahkamah, barulah tindakan pendakwaan akan diambil terhadap pihak yang terlibat.
- 4.35 **Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh (Anggota: 1789-A)** ingin mendapatkan pandangan Juruaudit Luar sama ada wang RM242,000 tersebut patut dijadikan sebagai liabiliti atau kontinjensi dalam penyata kewangan.
- 4.36 **Encik Aliff Ikhwan bin Mohamad, Juruaudit Luar (Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT)**, menjelaskan bahawa perkara tersebut tidak perlu direkodkan sebagai liabiliti mahupun kontinjensi pada masa ini kerana ia masih dalam siasatan polis. Kebarangkalian untuk diklasifikasikan sebagai liabiliti atau perbelanjaan juga adalah rendah. Dalam audit, terdapat tahap materialiti tertentu dan berdasarkan jumlah tersebut, amaunnya tidak begitu tinggi untuk dijadikan sebagai liabiliti kontinjensi. Sekiranya siasatan selesai dan wang tersebut tidak boleh diperolehi semula barulah ia akan direkodkan sebagai rugi.
- 4.37 **YB Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman (Anggota : 2914)**
- i. Mengemukakan semula pertanyaan berkaitan tarikh kuatkuasa bagi cadangan belanjawan baharu untuk saraan Anggota Lembaga yang melebihi RMI Juta. Beliau merujuk muka surat 88, (3a) Elaun Kerja dan Saraan Anggota Lembaga di mana pindaan terkini adalah sebanyak RMI.2 juta manakala dalam Laporan Kewangan, perbelanjaan yang direkodkan adalah sebanyak RM1.187 juta atau RMI.2 juta.
 - ii. Seterusnya beliau turut menegur dalam belanjawan tersebut, tiada peruntukan bagi Pembangunan Kakitangan. Beliau rasa perlu untuk memperkukuhkan kakitangan pentadbiran dengan kemahiran dan kepakaran yang sesuai.
- 4.38 **Encik Mohd Farouk bin Ibrahim (Anggota: 1492-B)** menarik perhatian mesyuarat kepada muka surat 90, di mana beliau berpendapat terdapat kemungkinan berlaku kesilapan angka dalam Pindaan Bajet 2025. Beliau merujuk kepada peruntukan Perbelanjaan Am hanya sebanyak RM2 juta manakala Susutnilai sebanyak RM3 juta, namun jumlah keseluruhan dicatatkan sebanyak RM32 juta.

- 4.39 **Bendahari KOSMA, Puan Hajah Zuraida binti Aw. Said** menjawab dan meminta anggota merujuk muka surat 89 diperkara Kursus, Seminar dan latihan. Kakitangan di ladang juga telah dihantar untuk menghadiri kursus komputer dan lain-lain kursus untuk meningkatkan kemahiran mereka.
- 4.40 **Setiausaha KOSMA, Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman** memaklumkan, Belanjawan 2025 disediakan pada tahun 2024 dengan anggaran awal RM996 ribu berdasarkan 'benchmark' ketika itu. Namun, setelah tamat tahun 2024, perbelanjaan sebenar melebihi RM1 juta. Oleh itu, pindaan bajet dinaikkan kepada RM1.2 juta berdasarkan bayaran semasa kepada Anggota Lembaga dengan purata sekitar RM100 ribu sebulan. Pindaan tersebut akan berkuat kuasa selepas diluluskan oleh Mesyuarat Agung ini.
- 4.41 **YB Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman (Anggota: 2914)** musykil anggaran pindaan bajet 2025 bagi saraan anggota Lembaga berjumlah RM1.2 juta untuk 12 bulan sedangkan perbelanjaan bagi 6 bulan pertama tahun 2024 sudah mencecah RM1,098,297, yang dilihat agak tidak munasabah.
- 4.42 **Setiausaha KOSMA, Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman** menjelaskan lagi bahawa, perbelanjaan sebenar berjumlah RM1,187,647 adalah hasil gabungan belanjawan asal RM1,098,297 dengan Elaun Telefon Lembaga sebanyak RM34,350, seperti yang direkod dalam akaun teraudit. Dalam bajet, Elaun Saraan dan Elaun Telefon diasingkan, namun kedua-duanya adalah perbelanjaan Lembaga. Jumlah ini kemudian diselaraskan menjadi RM1,187,647 seperti di muka surat 9. Kadar bajet dinaikkan kepada RM1.2 juta kerana semasa penyediaan Bajet 2025, angka sebenar tersebut masih belum diperoleh dan hanya dianggarkan RM996,000.
- 4.43 **YB Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman (Anggota: 2914)** memohon kebenaran untuk mengajukan soalan kepada pihak pengurusan. Beliau merujuk kepada perbelanjaan sebenar 2024 bagi Elaun Kerja/Saraan Anggota Lembaga sebanyak RM1,098,297 dan ingin tahu sama ada jumlah itu untuk 6 atau 12 bulan. Beliau juga mempersoalkan sama ada bayaran dibuat secara 'backdated', tarikh kuat kuasa serta punca kuasa kelulusan pembayaran tersebut.
- 4.44 **Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota : 2153)** menjelaskan secara teori dan memberi contoh, peruntukan tahun lalu untuk elaun dan lain-lain adalah RM1 juta, namun berlaku lebihan. Justeru, seperti amalan kerajaan, permohonan tambahan dibawa ke Parlimen walaupun mesyuarat hanya diadakan pada bulan Jun tahun berikutnya. Bajet tetap berkuat kuasa bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember setiap tahun.
- 4.45 **YH Dato' Sri Dr Haji Ismail bin Abdul Muttalib (Anggota: 2416)** mengemukakan contoh amalan di Parlimen, di mana jika perbelanjaan melebihi bajet tahunan, Kerajaan akan membentangkan bajet tambahan (supplemental budget) untuk kelulusan. Beliau menjelaskan, perbelanjaan sebenar sebelum ini berjumlah RM1,187,647, sedangkan Bajet 2025 yang dicadangkan awal hanya RM996,000. Berasaskan perbelanjaan lalu dan unjuran tahun ini, Anggota Lembaga mencadangkan pindaan bajet kepada RM1.2 juta. Jika diluluskan, isu ini dianggap selesai. Jika tidak, lebihan perbelanjaan tersebut perlu dibayar semula.
- 4.46 **Encik Kamarul Baharin bin Dato' Abd Rahman (Anggota : 2175-A)** menarik perhatian dan merujuk muka surat 88 berkaitan item derma dan sumbangan :

	Belanja Sebenar 2024 (RM)	Bajet 2025 (RM)	Pindaan Bajet 2025 (RM)	Bajet 2026 (RM)
Derma dan sumbangan	3,578,649	500,000	6,000,000	6,000,000

- 
- i. Bertanya mengenai asas atau andaian yang digunakan untuk menetapkan anggaran tersebut.
 - ii. Berapa jumlah sebenar yang telah dibelanjakan di bawah item derma dan sumbangan.
- 4.47 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** menyatakan sebenarnya peruntukan RM6 juta tu, adalah peruntukan di bawah Yayasan KOSMA. Walau bagaimanapun, KOSMA akan mendapat semula pengecualian cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.
- 4.48 **YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh (Anggota: 1918)** merujuk Laporan Kewangan muka surat 33, di mana Aset Dalam Pembinaan berjumlah RM33,651,217 dan Peralatan Tenaga sebanyak RM13,709,739, dengan tambahan RM26,361,214. Beliau ingin tahu sama ada projek solar tersebut dilaksanakan berdasarkan bajet yang telah diluluskan atau ia dilaksanakan terlebih dahulu sebelum bajet disediakan.
- 4.49 **Encik Aliff Ikhwan bin Mohamad, Juruaudit Luar (Tetuan Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT)** mengulas berkenaan dengan Aset dalam pembinaan dan Peralatan tenaga yang berjumlah RM13.7 juta adalah berkaitan projek solar KOSMA. Manakala Aset Dalam Pembinaan sebanyak RM26 juta melibatkan kos permohonan dan pemilikan tanah baru (land application) serta pembangunan rumah pekerja di ladang yang dianggarkan sekitar RM8 juta.
- 4.50 **Setiausaha KOSMA, Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman**, memaklumkan, bajet untuk rumah pekerja memang disediakan setiap tahun di Bahagian Ladang. Namun, bagi projek solar, tiada bajet awal diperuntukkan kerana sebelum ini KOSMA menggunakan diesel untuk genset. Disebabkan kenaikan harga diesel dan penggunaan yang tinggi tahun lalu, Mesyuarat Lembaga bersetuju melaksanakan projek solar dengan kos RM13 juta. Penggunaan solar dilihat lebih menjimatkan dalam jangka panjang.
- 4.51 **YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh (Anggota : 1918)** berpendapat mengikut peraturan dan amalan KOSMA, setiap perbelanjaan mesti mendapat kelulusan dalam bajet. Jika tiada peruntukan namun perbelanjaan tetap dibuat, perkara itu dianggap tidak wajar.
- 4.52 Di atas cadangan **YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh (Anggota : 1918)** dan disokong oleh **Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota : 2153)**, Mesyuarat Agung sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Akaun-akaun Teraudit Koperasi dan Subsidiarinya jika ada, termasuk Pembahagian Keuntungan bersama dengan Laporan Juruaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024 seperti yang dibentangkan.

AGENDA 5.0

MENIMBANG DAN MELULUSKAN PINDAAN BELANJAWAN 2025 DAN ANGGARAN BELANJAWAN 2026 - KMA 05/2025

- 5.1 **Bendahari KOSMA, Puan Hajah Zuraida binti Aw. Said** membentangkan Kertas Bil-KMA 05/2025 iaitu bagi menimbang dan meluluskan Pindaan Anggaran Belanjawan Tahun 2025 dan Anggaran Belanjawan Tahun 2026 (muka surat 84-93).
- 5.2 Di atas cadangan **YH Dato' Haji Mokhtar bin Haji Mat Salleh (Anggota : 1918)** dan disokong oleh **Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota : 2153)**, Mesyuarat Agung sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan pindaan belanjawan 2025 dan anggaran belanjawan 2026 seperti yang dibentangkan.

AGENDA 6.0

MELULUSKAN ELAUN-ELAUN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN DAN SARAAN KEPADA ANGGOTA LEMBAGA YANG DILANTIK SEBAGAI PENGARAH KEPADA SUBSIDIARI. - KMA 06/2025

- 6.1 **Wakil Kerajaan, YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad** mewakili Anggota Lembaga membentangkan Kertas Bil-KMA 06/2025 iaitu bagi Meluluskan Elaun - elaun kepada Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam, Jawatankuasa-Jawatankuasa dan saraan kepada Anggota Lembaga yang dilantik sebagai pengarah kepada Subsidiari Koperasi (muka surat 94).
- 6.2 Di atas cadangan **YH Dato' Hajjah Nazilah binti Abd Latif (Anggota : 2465-A)** dan disokong oleh **Tuan Haji Yunos bin Ahmad (Anggota : 1816)**, mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan agenda ini.

AGENDA 7.0

MELULUSKAN ATURAN-ATURAN :


- I. HAD RAWATAN PESAKIT LUAR DAN INSURAN BAGI ANGGOTA LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN
- II. CADANGAN PINDAAN KADAR BANTUAN ANGGOTA
- III. ATURAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA
- IV. ATURAN KUMPULAN WANG TABUNG KEBAJIKAN ANGGOTA DAN KHAIRAT KEMATIAN
- V. ATURAN KUMPULAN WANG TABUNG PENDIDIKAN
- VI. ATURAN KUMPULAN WANG TABUNG BANTUAN EKONOMI ANGGOTA - KMA.07/2025 (MUKA SURAT 95)

- 7.1 **YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin bin Mohd Ariff** membentangkan kertas KMA 07/2025 iaitu meluluskan aturan-aturan KOSMA iaitu:

- I. Had Rawatan Pesakit Luar Dan Insuran Bagi Anggota Lembaga Dan Jawatankuasa Audit Dalam
- ii. Cadangan Pindaan Kadar Bantuan Anggota
- iii. Aturan Pemilihan Anggota Lembaga
- iv. Aturan Kumpulan Wang Tabung Kebajikan Anggota Dan Khairat Kematian
- V. Aturan Kumpulan Wang Tabung Pendidikan
- VI. Aturan Kumpulan Wang Tabung Bantuan Ekonomi Anggota
(Muka surat 95 dan rujukan Aturan-aturan KOSMA -Pindaan seperti edaran)

- 7.2 **Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Saleh (Anggota : 1789-A) :**

- i. Menyoal berkenaan had rawatan pesakit luar dan insuran bagi Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam. Beliau berpendapat tidak wajar untuk memasukkan sekali tanggungan Anggota Lembaga dalam Had Rawatan Pesakit Luar dan merasakan keutamaan sepatutnya diberi kepada anggota koperasi berbanding mereka.
- ii. Mencadangkan supaya pindaan cadangan kadar baru jumlah perlindungan bagi Group Medical (Hospitalisation Insurance) (Kemasukan Wad) tidak melibatkan tanggungan Anggota Lembaga kerana ia menyumbang impak kewangan yang besar kepada koperasi.
- iii. Selain itu, beliau juga berpendapat cadangan kadar jumlah perlindungan kematian bagi Group Term Life (Kematian Semulajadi/Penyakit Kritikal/Hilang Upaya Kekal) bagi Anggota Lembaga terlalu jauh perbezaan dengan jumlah pampasan kematian kepada anggota koperasi. Beliau mencadangkan supaya anggota menolak cadangan kadar tanggungan dan juga kadar jumlah perlindungan kematian dipinda kepada jumlah yang lebih munasabah.

- 
- 7.3 **Encik Mohd Aminuddin bin Mohd Ali (Anggota : 2633-A)** bersetuju dengan cadangan yang dikemukakan oleh Tuan Haji Shamsul Rijal bin Mohamed Salleh (Anggota : 1789-A).
- 7.4 **YH Dato' Azlan bin Uzir (2002-A)** berpendapat perkara ini memerlukan kajian yang lebih teliti dan pihak pengurusan perlu menyatakan apa impak pelaksanaan perkara ini kepada kedudukan kewangan koperasi.
- 7.5 **YH Dato' Hajjah Nazilah binti Abd Latif (Anggota:2465-A)** berpendapat tidak wajar disamakan antara Anggota Lembaga dengan anggota lain dan perlu ada kadar yang munasabah yang membezakan antara anggota dan Anggota Lembaga atas kapasiti dan tanggungjawab Anggota Lembaga itu sendiri. Beliau mencadangkan perkara ini perlu dikaji semula supaya kadarnya tidak terlalu jauh perbezaannya dengan anggota tetapi diperuntukkan dengan satu nilai yang lebih baik kepada Anggota Lembaga.
- 7.6 **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)** mencadangkan cadangan ini diterima dengan pindaan sebagaimana yang dikemukakan oleh YH Dato' Hajjah Nazilah binti Abd Latif.
- 7.7 **YH Dato' Sri Haji Hasan bin Arifin (Anggota: 2583)** menyatakan kadar tersebut terlalu tinggi dan mencadangkan kadar yang lebih munasabah. Beliau turut mencadangkan agar tanggungan untuk anggota Lembaga dikeluarkan.
- 7.8 **Pengerusi KOSMA, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** memaklumkan tahun hadapan KOSMA akan mencadangkan pampasan kematian anggota sebanyak RM30,000 selaras dengan insurans pampasan anggota sekiranya dilaksanakan.
- 7.9 Di atas cadangan **YH Dato' Sri Haji Hasan Bin Arifin (Anggota : 2583)**, mesyuarat dengan ini sebulat suara bersetuju menerima Aturan-aturan KOSMA (Pindaan) seperti yang dibentangkan dengan beberapa pindaan bagi Aturan Had Rawatan Pesakit Luar & Insurans Bagi Anggota Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalaman seperti berikut:
- Semua kadar jumlah perlindungan untuk tanggungan Anggota Lembaga dikeluarkan dari cadangan.
 - Kadar jumlah perlindungan kematian bagi Anggota Lembaga dipinda kepada RM60,000 atau gandaan kadar pampasan kematian anggota.

AGENDA 8.0

MENIMBANG DAN MELULUSKAN RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG LEBIHAN KOPERASI INI - KMA.08/2025

- 8.1 **Anggota Lembaga, Tuan Haji Alias bin Mohamad Nor** membentangkan Kertas Bil KMA.08/2025 bagi menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh Wang Lebihan Koperasi ini menurut peruntukan Undang-undang Kecil 66 (2) (muka surat 96) :-
- Mana-mana sekuriti yang dikeluarkan oleh Kerajaan Malaysia, Bank Negara atau mana mana sekuriti lain yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
 - Syer mana-mana Koperasi lain;
 - Apa-apa pelaburan dan sekuriti lain pada masa ini dibenarkan di bawah mana-mana Undang-undang bertulis bagi Wang Amanah atau;
 - Lain-lain pelaburan atau kegiatan yang dibenarkan oleh Undang-undang Kecil
- 8.2 Di atas cadangan **Encik Ahmad Mustaffa bin Zainal Abidin (Anggota 2623)** dan disokong oleh **Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota:2153)**, Mesyuarat sebulat suara bersetuju meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan sejumlah RM100 juta yang dibiayai oleh wang lebihan koperasi ini seperti yang dibentangkan.

AGENDA 9.0

MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN KOPERASI. - KMA 09/2025

- 9.1 **Anggota Lembaga, YH Dato' Jisshaelyz bin Hamzah** membentangkan agenda Menentukan Had Maksimum Keterhutangan Koperasi - KMA 09/2025 (Muka Surat 97) untuk dibentangkan dan diluluskan. Kertas ini dibentangkan adalah untuk mendapatkan kelulusan Mesyuarat Agung bagi memberi kebenaran kepada Lembaga untuk mendapatkan pinjaman tambahan tidak melebihi RM100 juta sekiranya perlu daripada mana-mana institusi kewangan berdaftar.
- 9.2 Di atas cadangan **Tuan Haji Abdul Rafar @ Abd Kasim bin Abd Rahman (Anggota : 2153)** dan disokong oleh **Encik Harbhajan Singh A/L Jagar Singh (Anggota : 0633)**, mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan had maksimum keterhutangan Koperasi tidak melebihi RM100 juta (sekiranya perlu) daripada mana-mana institusi kewangan berdaftar.

AGENDA 10.0

MELULUSKAN PELANTIKAN SUATU PANEL FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOPERASI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2025 - KMA 10/2025

- 10.1 **Anggota Lembaga, Cr Abdul Hamid bin Ghazali** membentangkan kertas KMA 10/2025 (Muka Surat 98) iaitu meluluskan perlantikan suatu panel yang terdiri daripada lima firma audit untuk mengaudit akaun-akaun koperasi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 seperti berikut:-
- i. Al Jafree Salihin Kuzaimi PLT
 - ii. Jamal, Amin & Partners
 - iii. Pricewaterhouse Coopers PLT
 - iv. Ernst & Young PLT
 - v. KPMG PLT
- 10.2 Di atas cadangan **Encik Mohd Aminuddin bin Mohd Ali (Anggota : 2633-A)**, mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik salah satu panel daripada firma-firma Juruaudit Luar untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi dan Syarikat Subsidiari bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

AGENDA 11.0

MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA CADANGAN ATAU URUSAN PERNIAGAAN LAIN KOPERASI YANG BAGINYA SUATU NOTIS BERTULIS TIDAK KURANG DARIPADA 7 HARI YANG TELAH DIBERIKAN - KMA 1 /2025 (MUKA SURAT 99)

11.1 USUL ANGGOTA LEMBAGA

11.2 USUL - USUL ANGGOTA

11.1 USUL - USUL ANGGOTA

Anggota Lembaga, YH Dato' Kurnia Bistari Dato' Haji Mohamed Arifin bin Awang Ismail membentangkan kertas KMA11-2025 (muka surat 99 dan kertas usul yang diedarkan berasingan) iaitu Mendengar, Menimbang atau Memutuskan apa-apa Cadangan atau Urusan Perniagaan Lain Koperasi yang baginya suatu notis bertulis tidak kurang daripada 7 hari telah diberikan. Seterusnya beliau membentangkan usul-usul anggota yang telah diterima oleh Anggota Lembaga sehingga tarikh 13 Jun 2025 seperti berikut:-

11.1.1 USUL PERTAMA

PENCADANG : DATO' MOHD MAZLAN BIN JUSOH (ANGGOTA:1915)

PENYOKONG : DATO ISMAIL BIN HAMZAH (ANGGOTA:2585)

USUL : SESIAPA ANGGOTA YANG TELAH DIBUANG KEANGGOTAAN SEMASA OPERASI 'PEMUTIHAN' PADA TAHUN 2021 HINGGA 2022 DENGAN ALASAN TIDAK MEMENUHI SYARAT KEANGGOTAAN, BOLEH MEMBUAT PERMOHONAN SEMULA UNTUK MENJADI ANGGOTA DENGAN SYARAT BAHAWA PEMOHON-PEMOHON MEMENUHI SYARAT KEANGGOTAAN DALAM PROVISO 11 UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI

JUSTIFIKASI DAN ULASAN

- 1) **YH Dato' Mohd Mazlan bin Jusoh (Anggota : 1915)** menerangkan tujuan usul ini dikemukakan adalah untuk membolehkan anggota yang telah ditamatkan oleh Pentadbir semasa operasi pemutihan pada tahun 2022 membuat permohonan semula keanggotaan untuk dipertimbangkan oleh Anggota Lembaga. Beliau mohon supaya usul ini diterima oleh Mesyuarat Agung Tahunan ini supaya memberi kuasa kepada Anggota Lembaga untuk menerima semula anggota-anggota yang telah ditamatkan.
- 2) **Pengerusi, YH Dato Haji Zamri bin Mohamed** memaklumkan KOSMA sedang dalam tindakan mengambil semula anggota yang dibuang (yang layak) mengikut Undang-Undang Kecil 11.
- 3) Di atas cadangan **YH Dato Ismail bin Hamzah (Anggota : 2585)** dan disokong oleh **YH Dato' Hajjah Nazilah binti Abd Latif (Anggota:2465-A)**, mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan usul pertama ini.

11.1.2 USUL KEDUA

PENCADANG : DATO' SRI DR. HJ ISMAIL BIN HJ ABD MUTTALIB (ANGGOTA : 2416)

PENYOKONG : DATIN SRI DATO' HJH FATIMAH BT HJ KASSIM (ANGGOTA : 2417)

USUL : MEMINTA KERAJAAN NEGERI PAHANG MEMUTIHKAN ATAU MENYELESAIKAN SECARA MUKTAMAD ISU PENCEROBOHAN TANAH HARAM (TANAH KERAJAAN) MELIBATKAN PULUHAN, RATUS MALAHAN RIBUAN EKAR DI SELURUH NEGERI PAHANG.

JUSTIFIKASI DAN ULASAN

- 1) **YH Dato' Sri Dr. Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib (Anggota : 2416)** membentangkan usul yang dikemukakan.
- 2) **Wakil Kerajaan, YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad** berkongsi sejarah dan isu berkaitan pencerobohan tanah haram yang berlaku di dalam negeri Pahang sejak sekian lama.
- 3) **Pengerusi, YH Dato Haji Zamri bin Mohamed** memberi ulasan kepada usul ini iaitu perkara yang diusulkan adalah diluar bidang KOSMA dan tidak terdapat peruntukan kuasa dalam Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan Undang-Undang Kecil.
- 4) **YH Dato' Sri Dr. Hj Ismail Bin Hj Abd Muttalib (Anggota : 2416)** mencadangkan selaras dengan matlamat sebagai anggota KOSMA, jika Kerajaan boleh mempertimbangkan pemberian tanah tersebut kepada KOSMA kerana KOSMA merupakan koperasi yang berdaya maju.
- 5) **Wakil Kerajaan, YB Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad** berpandangan KOSMA boleh mencadang dan sebelum ini juga Kerajaan telah pun membuktikan dengan pemberian tanah seluas lebih kurang 6 ribu ekar sebelum.
- 6) Di atas cadangan ini mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk meminta kerajaan Negeri Pahang untuk dipertimbangkan kepada KOSMA tanah-tanah haram yang diceroboh dan melibatkan tanah Kerajaan.

11.1.3 USUL KETIGA

PENCADANG : YH DATO' HAJI MOKHTAR BIN MAT SALLEH (ANGGOTA : 1918)

PENYOKONG : CIK ZAWATIL ISYQI BINTI MOKHTAR (ANGGOTA : 2873)

USUL : MENUKAR KAEDAH PENGUNDIAN DARI KAEDAH SECARA SISTEM BERKOMPUTER KEMBALI KE KAEDAH SECARA MANUAL (KERTAS UNDI & KIRAAN MANUAL)

JUSTIFIKASI DAN ULASAN

- 1) **YH Dato' Haji Mokhtar Bin Mat Salleh (Anggota : 1918)** memaklumkan beberapa justifikasi usul sebagaimana yang telah dibentangkan.
- 2) **Pengerusi, YH Dato Haji Zamri bin Mohamed** memberi ulasan kepada usul ini iaitu sejajar dengan perkembangan teknologi IT, kaedah pengundian secara berkomputer ini telah digalakkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Kaedah ini telah diamalkan oleh banyak koperasi berskala besar seperti ANGKASA dan KOPSYA serta menjimatkan masa, tenaga dan kos.
- 3) **YH Dato' Haji Mokhtar Bin Mat Salleh (Anggota : 1918)** menyatakan sistem ANGKASA telah disaman dan menjadi kes mahkamah akibat berlaku manipulasi dalam sistem tersebut.
- 4) **Pengerusi, YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed** memaklumkan terdapat banyak aduan daripada calon-calon yang tidak berpuas hati dan mendakwa keputusan undian tahun 2023 tidak betul. Namun, selepas dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan pihak Multimedia, proses pengundian tersebut disahkan telus.
- 5) Di atas cadangan **Tuan Haji Zainal Ashikhin bin Ibrahim (Anggota: 2672-A)**, mesyuarat sebulat suara bersetuju menolak usul yang telah dikemukakan.

11.2 Cadangan Pembayaran dividen modal syer bagi tahun 2024

Di atas cadangan **Encik Badaruddin bin Mokhtar (Anggota : 2393)** dan sokongan oleh **Encik Ahmad Mustaffa bin Haji Zainal Abidin (Anggota : 2623)**, mesyuarat sebulat suara bersetuju dengan cadangan pembayaran dividen modal syer sebanyak 60% bagi tahun kewangan 31 Disember 2024.

AGENDA 12.0

PELANTIKAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA :

- a. **MEMILIH TIGA (3) ORANG ANGGOTA LEMBAGA BAGI MENGGISI KEKOSONGAN JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA UNTUK PENGGAL 2025-2028 (3 TAHUN)**
- b. **USUL PELANTIKAN DUA ORANG WAKIL KERAJAAN NEGERI PAHANG DALAM ANGGOTA LEMBAGA. YANG DICALONKAN OLEH KERAJAAN NEGERI PAHANG - KMA. 12/2025 (MUKA SURAT 100-101)**

(A) MEMILIH TIGA ORANG ANGGOTA LEMBAGA

YH Dato Pengerusi memperkenalkan seramai 9 orang calon anggota yang telah menawarkan diri untuk bertanding dalam Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA kali ke-40.

1. Nama-nama calon yang bertanding untuk tiga kekosongan jawatan Anggota Lembaga ialah :-

BIL	NAMA	NO.ANGGOTA
1	YH Dato' Jisshaelyz bin Hamzah	2819
2	Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib	2416
3	Tuan Haji Jamil bin Ninggal	2785
4	Encik Azaham Shah bin Badrillah @ Shahrul Idris	0921-A

5	Tuan Haji Alias bin Mohamad Nor	0059
6	Encik Mohd Aminuddin bin Mohd Ali	2633-A
7	YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Haji Abdullah	2356
8	Encik Rasli bin Suboh	2233
9	Encik Badaruddin bin Haji Mokhtar	2393

2. Sebelum mengumumkan keputusan pemilihan, perkara-perkara berikut telah dimaklumkan kepada Mesyuarat Agung iaitu :-

	Jumlah
Bilangan perwakilan yang hadir	1230
Bilangan perwakilan yang mengundi (selesai)	1177
Bilangan perwakilan yang tidak mengundi	53
Peratusan perwakilan yang mengundi	95.69%

3. **Pengerusi, YH Dato Haji Zamri bin Mohamed** mengumumkan keputusan penuh pemilihan mengikut undi yang diperolehi seperti berikut :-

BIL	NAMA	JUMLAH UNDI
1.	YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Haji Abdullah	590
2.	Tuan Haji Jamil bin Ninggal	570
3.	YH Dato Jisshaelyz bin Hamzah	544
4.	Tuan Alias bin Mohamad Nor	527
5.	Encik Rasli bin Suboh	413
6.	Encik Azaham Shah bin Badrillah @ Shahrul Idris	365
7.	Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd Muttalib	275
8.	Encik Mohd Aminuddin bin Mohd Ali	151
9.	Encik Badaruddin bin Haji Mokhtar	96

4. Calon-calon tempat pertama (1) hingga ketiga (3) yang terpilih sebagai Anggota Lembaga bagi penggal 2025-2028 ialah :-

BIL	NAMA	JUMLAH UNDI
1.	YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Haji Abdullah	590
2.	Tuan Haji Jamil bin Ninggal	570
3.	YH Dato Jisshaelyz bin Hamzah	544

bulan Ramadan yang lalu, saya berkesempatan bertemu dengan Dato' Seri Jabbar di Makkah. Alhamdulillah, kami telah berpelukan dan bermaafan, serta beliau menitipkan pesanan agar saya meneruskan tanggungjawab bagi memimpin. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang juga telah menitahkan agar kita menjaga KOSMA dengan baik dan menghindari sebarang persengketaan. Saya berharap anggota KOSMA bijak dalam memilih pemimpin demi kemaslahatan Koperasi. Pada hari ini, kita juga berbesar hati dengan kehadiran Encik Ibrahim bin Husain, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pahang, yang sentiasa memantau perkembangan KOSMA agar koperasi ini terus berada di landasan yang betul.

Tuan/Puan,

Demikianlah beberapa kisah dan kejayaan yang telah dicapai oleh KOSMA pada masa kini. Kita juga tidak lupa menghargai sumbangan lebih daripada seribu pekerja dan kakitangan yang bertugas di Ladang KOSMA hampir 1000 orang. KOSMA turut memberikan bantuan makanan kepada tenaga kerja asing dari Indonesia dan Bangladesh, sekurang-kurangnya setiap empat tahun sekali. Baru-baru ini, kita juga telah mengadakan majlis korban yang melibatkan 13 ekor lembu, dan daging korban tersebut diagihkan kepada mereka yang memerlukan.

Selain itu, KOSMA juga mempunyai sebuah yayasan yang diberi nama Yayasan KOSMA, yang ditubuhkan oleh YH Dato' Sri Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim pada tahun 2012. Pada awal penubuhannya, Yayasan ini dibiayai dengan menggunakan peruntukan oleh KOSMA yang mana ia adalah bertujuan untuk mendapatkan pengecualian cukai. Berdasarkan usaha tersebut, Pengurus Yayasan KOSMA, telah memohon pengecualian cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) melalui Jabatan Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri. Alhamdulillah, pada tahun 2019, Yayasan KOSMA telah menerima surat pengecualian cukai, dan bermula tahun 2023, Yayasan KOSMA tidak lagi menggunakan peruntukan dari KOSMA dalam menjalankan aktiviti. Yayasan KOSMA kini menjalankan aktiviti dengan peruntukan hampir RM5 juta setahun, hasil daripada pengecualian cukai oleh LHDN. InsyaAllah, pada tahun hadapan, kita akan menyediakan buletin khas untuk memaklumkan perkembangan terkini kepada anggota KOSMA. Yayasan KOSMA juga menjalinkan kerjasama dengan Yayasan Sultan Abdullah dan sentiasa berusaha membantu Masyarakat seluruh rakyat Malaysia yang memerlukan tidak kira agama, bangsa dan keturunan. Pelbagai bantuan telah kita salurkan, antaranya di Kadamaian Sabah, Muadzam Shah, Temerloh dan lain-lain.

Tuan/Puan,

Seiring dengan kejayaan KOSMA sebagai sebuah koperasi yang kukuh, baru-baru ini kita telah berusaha menubuhkan sebuah anak syarikat iaitu KOSMA Global Sdn. Bhd, namun begitu pelbagai isu telah timbul. Sebenarnya, hasrat kita adalah untuk membekalkan minyak masak halal ke seluruh Malaysia, dan kita turut menerima tawaran dari sebuah negeri di China untuk membekalkan minyak masak halal ke Negeri China. Namun, setelah permohonan dihantar ke Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), didapati penubuhan tersebut tidak boleh dilaksanakan dengan cara sedemikian. Oleh itu, KOSMA Global telah dibatalkan dan isu ini tidak perlu dibangkitkan lagi.

Sebaliknya, kita akan terus memfokuskan perhatian kepada KOSMA Holdings dan oleh itu, pada hari ini kita memohon peruntukan pelaburan untuk melaksanakan usaha ini. Kita juga akan membawa masuk tenaga pakar dan anggota yang berkelayakan, contohnya pada sesi lalu, YH Dato' Sri Hasan Arifin yang telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Pelaburan. Baru-baru ini, beberapa Anggota Lembaga telah melakukan lawatan ke negeri China untuk melawat kilang solar, dan kita bercadang untuk bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam dalam projek pemasangan solar di setiap masjid di seluruh negara. Kita juga menyedari bahawa ramai anggota KOSMA mempunyai kepakaran yang tinggi, dan kita berhasrat membawa mereka bersama-sama untuk membantu membangunkan dan memajukan KOSMA.



Tuan/Puan,

KOSMA juga akan menubuhkan sebuah syarikat konsultan yang akan memberi khidmat nasihat dan konsultan kepada ladang-ladang yang menghadapi pelbagai masalah. Inilah antara inisiatif yang sedang kita rancang dengan harapan KOSMA bertambah maju, anggota akan menerima keuntungan dan mesyuarat akan dapat dijalankan dengan lebih baik di masa akan datang. Berkenaan dengan tanah yang berkeluasan 6,800 ekar dengan enam geran telah diperolehi, manakala dua geran lagi masih dalam proses penyelesaian. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada KDYMM Sultan Pahang, yang telah memperkenankan tanah tersebut kepada KOSMA, YAB Menteri Besar Pahang, barisan Exco, serta semua pihak pemikir yang telah membantu kita. Tanah milik KOSMA dahulu hanya mempunyai tempoh pegangan selama 35 tahun sahaja, namun alhamdulillah, dengan bantuan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, hasil usaha dan perbincangan yang berterusan bersama semua pihak berkepentingan, kita telah berjaya melanjutkan pegangan tanah tersebut sehingga 99 tahun. Kejayaan ini adalah manifestasi kebijaksanaan YH Dato' Sri Dr. Sallehudin bin Ishak yang memberikan manfaat jangka panjang kepada kita semua. Sehubungan itu, pada hari ini kita akan memberikan anugerah penghargaan kepada mereka yang telah menyumbang, khususnya pemimpin terdahulu dan Anggota Lembaga sebelum ini, iaitu YH Dato' Sri Sallehuddin bin Ishak, YH Dato' Sri Haji Abdul Jabbar bin Haji Ibrahim serta Allahyarham Dato' Haji Nasir bin Mat Piah, yang telah memainkan peranan penting dan memberikan sumbangan besar kepada kejayaan KOSMA sehingga ke hari ini.

Marilah kita jadikan mesyuarat kita pada hari ini berjalan dengan lancar dan penuh keberkatan. Alhamdulillah, sebelum saya mengundurkan diri, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua anggota yang telah hadir memeriahkan Mesyuarat Agung KOSMA pada hari ini. Saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada KDYMM Sultan Pahang yang sentiasa memberikan sokongan kepada KOSMA dan juga kepada YAB Menteri Besar Pahang. Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengumumkan bahawa selepas Mesyuarat Agung pada hari ini, KOSMA akan memberikan tambahan satu unit ladang kepada setiap anggota sebagai tanda penghargaan kepada anggota. Syukur ke hadirat Allah SWT dan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan usaha ini, antaranya Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang, YAB Menteri Besar Pahang beserta barisan Exco Kerajaan Negeri, YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, pihak KUSKOP, Tuan Ibrahim bin Husain, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Pahang, Pengerusi SKM, pihak SKM Cawangan dan peringkat Persekutuan, serta yang tidak kurang pentingnya, kepada seluruh kakitangan KOSMA yang telah bertungkus-lumus bekerja keras demi kemajuan koperasi kita. Sebagai penghargaan, kita juga memberikan bonus enam bulan kepada mereka. Akhir sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan kasih sayang kepada semua anggota KOSMA yang kami hormati sekalian. Semoga kita terus maju dan berjaya bersama-sama.

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan KOSMA kali ke-40 pada tahun ini. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

AGENDA : 4 KERTAS BIL : KMA.04/2026

MENIMBANG LAPORAN LEMBAGA DAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN 2025/2026

1.0 PENDAHULUAN

Anggota Lembaga dengan sukacitanya membentangkan Laporan Lembaga Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) bagi tahun 2025/2026 untuk makluman anggota-anggota sekalian.

2.0 KEANGGOTAAN

Sehingga 31 Disember 2025 jumlah anggota KOSMA adalah seramai satu ribu empat ratus sembilan puluh lapan (1498) orang dan jumlah kedudukan Modal Syer dan Unit Ladang anggota KOSMA adalah seperti dalam buku Laporan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

3.0 MESYUARAT LEMBAGA (SEHINGGA APRIL 2026)

3.1 Anggota Lembaga telah mengadakan sebelas (11) Mesyuarat Lembaga termasuk tiga (3) Mesyuarat Lembaga Khas seperti Jadual di bawah :-

BIL	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
1	21.06.2025	Mesyuarat Anggota Lembaga Bil 1 - 2025/2026
2	15.07.2025	Mesyuarat Anggota Lembaga Khas Bil 1 - 2025/2026
3	12.08.2025	Mesyuarat Anggota Lembaga Bil 2 - 2025/2026
4	04.09.2025	Mesyuarat Anggota Lembaga Khas Bil 2 - 2025/2026
5	9.10.2025	Mesyuarat Anggota Lembaga Bil 3 - 2025/2026
6	16.11.2025	Mesyuarat Anggota Lembaga Bil 4 - 2025/2026
7	17.11.2025	Mesyuarat Anggota Lembaga Khas Bil 3 - 2025/2026
8	09.12.2025	Mesyuarat Anggota Lembaga Bil 5 - 2025/2026
9	22.01.2026	Mesyuarat Anggota Lembaga Bil 6 - 2025/2026
10	16.02.2026	Mesyuarat Anggota Lembaga Bil 7 - 2025/2026
11	16.04.2026	Mesyuarat Anggota Lembaga Bil 8 - 2025/2026

3.2 Sehingga April 2026, senarai kehadiran Anggota-anggota Lembaga KOSMA bagi mesyuarat Lembaga adalah seperti berikut :

BIL	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1	YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	Pengerusi	11/11
2	YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Abdullah	Timbalan Pengerusi	11/11
3	Cr Abdul Hamid bin Ghazali	Setiausaha	11/11
4	Puan Zuraida bt Aw Said	Bendahari	11/11
5	YB Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad	Wakil Kerajaan	6/11
6	YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin Bin Mohd Ariff	Wakil Kerajaan	7/11
7	YH Dato' Jisshaelyz bin Hamzah	Anggota Lembaga	10/11
8	YH Dato' Kurnia Bistari Dato' Haji Mohamed Arifin bin Awang Ismail	Anggota Lembaga	11/11


9	Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin	Anggota Lembaga	11/11
10	Tuan Haji Jamil bin Ninggal	Anggota Lembaga	11/11
11	Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman (Digantung sebagai Anggota Lembaga berkuatkuasa 4 September 2025)	Anggota Lembaga	3/11

3.3 Mesyuarat Lembaga Bil 01-2025/2026 yang diadakan pada 21 Jun 2025 telah memilih dan melantik Anggota Lembaga Berjawatan seperti berikut:-

NAMA	JAWATAN
YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	Pengerusi
YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Abdullah	Timbalan Pengerusi
Cr Abdul Hamid bin Ghazali	Setiausaha
Puan Hajah Zuraida bt Aw Said	Bendahari

3.4 Senarai Anggota Lembaga Penuh beserta Jawatan adalah seperti berikut :

BIL	NAMA	JAWATAN
1.	YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi J/K Pengurusan dan Kewangan • Pengerusi J/K Tender, Teknikal dan Perolehan • Pengerusi Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd • Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA • Ahli Lembaga Pengarah Wujud Wawasan Sdn Bhd
2.	YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Abdullah	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi J/K Kebajikan Anggota dan Seranta • Ahli J/K Tender, Teknikal dan Perolehan • Ahli J/K Pengurusan dan Kewangan • Ahli J/K Pengurusan Sumber Manusia • Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA
3.	Cr Abdul Hamid Bin Ghazali	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi J/K Perundangan • Setiausaha J/K Pengurusan dan Kewangan • Ahli J/K Tender, Teknikal dan Perolehan • Ahli J/K Perladangan • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd • Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA
4.	Puan Hajah Zuraida bt Aw Said	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi J/K Pengurusan Sumber Manusia • Ahli J/K Pengurusan dan Kewangan • Ahli J/K Pelaburan dan Perniagaan • Ahli J/K Tender, Teknikal dan Perolehan



		<ul style="list-style-type: none"> • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Holdings Sdn Bhd • Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan KOSMA
5.	YB Dato' Sri Syed Ibrahim Bin Syed Ahmad	• Wakil Kerajaan
6.	YB Dato' Haji Mohammad Fakhruddin Bin Mohd Ariff	• Wakil Kerajaan
7.	YH Dato' Jisshaelyz bin Hamzah	• Pengerusi Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd
8.	YH Dato' Kurnia Bistari Dato' Haji Mohamed Arifin bin Awang Ismail (mendapat rawatan khas sehingga buku ini dicatat)	• Pengerusi J/K Tugas-Tugas Khas dan Perhubungan Korporat
9.	Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi J/K Pengurusan Ar-Rahnu • Ahli Jawatankuasa KOSMA Tourism Sdn Bhd (Bermula 9 Oktober 2025)
10.	Tuan Haji Jamil bin Ninggal	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi J/K Perladangan • Ahli J/K Tender, Teknikal dan Perolehan • Ahli Lembaga Pengarah KOSMA Tourism Sdn Bhd
11.	Tuan Haji Ismail bin Abd Rahman	<ul style="list-style-type: none"> • Pengerusi JK Pelaburan dan Perniagaan (Digantung sebagai Anggota Lembaga bermula 4 September 2025) • Ahli Jawatankuasa KOSMA Tourism Sdn Bhd (Sehingga 4 September 2025)

3.5 Laporan Aktiviti Lembaga yang telah dijalankan.

TARIKH	AKTIVITI
11.07.2025	Program Mengacau Bubur Asyura Bersama Kakitangan KOSMA di Ibu Pejabat KOSMA, Kuantan
21.07.2025 - 22.07.2025	Kursus Keterampilan Diri dan Imej Profesional di Auditorium Kompleks Perladangan KOSMA
22.07.2025	Majlis Watikah Pelantikan Jawatankuasa KOSMA bagi Sesi 2025/2026
28.07.2025	Majlis Mengadap Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah di Istana Abdulaziz, Kuantan
31.07.2025	Majlis Pengumuman Baki Dividen oleh Menteri Besar Pahang di Pejabat Menteri Besar Pahang
22.08.2025	Kejohanan Bowling Gabungan Perladangan Sukan Pahang (GAPS) Piala Pengerusi KOSMA 2025 di Kuantan Plaza
31.08.2025	Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat KOSMA 2025 di Kompleks Perladangan KOSMA

25.09.2025	Kunjungan Rasmi Melaka United ke Kompleks Perladangan KOSMA
09.10.2025	Konvensyen Anti Rasuah Tahun 2025 di Dewan Sri Siantan, Presint 3 Putrajaya, Wilayah Persekutuan
24.10.2025 - 26.10.2025	Kursus Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti dalam Koperasi bersama Jawatankuasa KOSMA di Swissbel Hotel Kuantan
31.10.2025	Majlis Graduasi Kursus Microsoft Word dan Excel Kakitangan KOSMA di Pahang Skills Development Centre
01.11.2025	Program Sukan Muhibbah Bersama Kakitangan dan Pekerja KOSMA di Padang Ladang KOSMA
26.11.2025	Majlis Apresiasi Kakitangan KOSMA di Ancasa Royale Pekan
02.12.2025	Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan 2025 di Istana Abdulaziz, Kuantan
18.12.2025	International Migrants Day and National Expatriates Day 2025 di G Tower, Kuala Lumpur
31.12.2025	Lawatan Tapak Projek Perumahan dan Solar Panel bersama Wakil KJRI Johor Bahru
31.12.2025	Majlis Apresiasi Pekerja Ladang KOSMA di Dewan Kompleks Perladangan KOSMA
06.01.2026	Majlis Kunjung Hormat Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Negeri Pahang dan Rombongan ke Kompleks Perladangan KOSMA
12.01.2026 - 13.01.2026	Program Team Building Kakitangan KOSMA 2026 di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi bagi Batch 1
19.01.2026	Kunjung Hormat kepada Ketua Polis Pahang di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuantan
26.01.2026 - 27.01.2026	Program Team Building Kakitangan KOSMA 2026 di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi bagi Batch 2
29.01.2026	Taklimat Percukaian kepada Lembaga Pengurusan, Jawatankuasa Audit dan Kakitangan KOSMA di Auditorium Kompleks Perladangan KOSMA
05.02.2026 - 08.02.2026	Program Lawatan Sambil Belajar (Retreat) bersama Jawatankuasa KOSMA ke Medan, Indonesia
11.02.2026	Program Brainstorming 2026 di Hotel Le Meridien, Petaling Jaya
24.02.2026	Program Ihya Ramadan Gerakan Koperasi Negeri Pahang 2026 di Stadium MPK 1 Kuantan
24.02.2026	Majlis Iftar bersama KUSKOP di Shaftsbury, Putrajaya
11.03.2026	Majlis Pengumuman Pembayaran Dividen Unit Ladang KOSMA bagi Tahun Kewangan Yang Berakhir 31 Disember 2025 oleh YAB Menteri Besar Pahang di Pejabat Daerah dan Tanah Jerantut
28.03.2026	Majlis Peterana Kasih Sempena Keberangkatan Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Ke Jamuan Hari Raya Aidilfitri Parlimen Bera dan KOSMA di Dewan Konvensyen Majlis Daerah Bera
15.04.2026	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Koperasi Serbausaha Makmur Berhad (KOSMA) Tahun 2026 di Perkarangan Ibu pejabat
18.04.2026	Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri Perdana di Astaka Kompleks Perladangan KOSMA

4.0 LAPORAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA KECIL (SEHINGGA APRIL 2026)

4.1 Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan

4.1.1 Bagi sesi 2025/2026, Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan telah mengadakan mesyuarat sebanyak lima belas (15) kali termasuk tujuh (7) kali mesyuarat khas seperti jadual berikut :-

BIL	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
1	06.08.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Bil 1 - 2025/2026
2	19.08.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Khas Bil 1 - 2025/2026
3	17.09.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Bil 2 - 2025/2026
4	24.09.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Khas Bil 2 - 2025/2026
5	31.10.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Bil 3 - 2025/2026
6	30.11.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Bil 4 - 2025/2026
7	07.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Bil 5 - 2025/2026
8	18.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Khas Bil 3 - 2025/2026
9	26.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Khas Bil 4 - 2025/2026
10	30.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Khas Bil 5 - 2025/2026
11	07.01.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Khas Bil 6 - 2025/2026
12	14.01.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Bil 6 - 2025/2026
13	02.02.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Khas Bil 7 - 2025/2026
14	15.03.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Bil 7 - 2025/2026
15	13.04.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Kewangan Bil 8 - 2025/2026

4.1.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

BIL	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1	YH Dato' Haji Zamri bin Mohamed	Pengerusi	15/15
2	YH Dato' Haji Mohd Sabri bin Abdullah	Timbalan Pengerusi	15/15
3	Cr Abdul Hamid bin Ghazali	Setiausaha	15/15
4	Puan Zuraida bt Aw Said	Bendahari	15/15

4.2 Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia

4.2.1 Bagi sesi 2025/2026, Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan mesyuarat sebanyak empat (4) kali seperti jadual berikut:-

BIL	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
1	05.08.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pentadbiran dan Penjawatan Bil 1 - 2025/2026
2	22.10.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia Bil 2 - 2025/2026
3	22.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia Bil 3 - 2025/2026
4	26.02.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Sumber Manusia Bil 4 - 2025/2026

4.2.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

BIL	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1	Puan Hajah Zuraida binti Aw Said	Pengerusi	4/4
2	YH Dato Haji Mohd Sabri bin Haji Abdullah	Jawatankuasa	3/4
3	Encik Muslim bin Umar	Jawatankuasa	4/4
4	Puan Rosnah binti Jaafar	Jawatankuasa	4/4
5	Puan Noriah bt Mohd Noor	Jawatankuasa	4/4

4.2.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 24.10.2025 - 26.10.2025 - Kursus Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti Jawatankuasa KOSMA bagi sesi 2025/2026.
- ii. 5.02.2026 - 08.02.2026 - Lawatan Sambil Belajar (Retreat) Jawatankuasa KOSMA ke Medan, Indonesia

4.3 Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan

4.3.1 Bagi sesi 2025/2026, Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan telah mengadakan mesyuarat sebanyak sebelas (11) kali seperti jadual berikut:-

BIL	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
1	17.07.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 1 – 2025/2026
2	22.08.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 2 – 2025/2026
3	29.08.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 3 – 2025/2026
4	06.10.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 4 – 2025/2026
5	31.10.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 5 – 2025/2026
6	19.11.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 6 – 2025/2026
7	24.11.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 7 – 2025/2026
8	25.11.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 8 – 2025/2026
9	19.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 9 – 2025/2026
10	26.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Khas Bil 1 – 2025/2026
11	09.01.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Tender, Teknikal dan Perolehan Bil 10 – 2025/2026

4.3.2 Senarai Kehadiran Mesyuarat adalah seperti berikut :-

BIL	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1	YH Dato Haji Zamri bin Mohamed	Pengerusi	11/11
2	YH Dato Haji Mohd Sabri bin Haji Abdullah	Jawatankuasa	10/11
3	Cr Abdul Hamid Bin Ghazali	Jawatankuasa	11/11
4	Puan Hajah Zuraida Binti Aw Said	Jawatankuasa	11/11
5	Tuan Haji Jamil Bin Ninggal	Jawatankuasa	11/11

4.3.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 24.11.2025 - Temuduga Pemilihan Pembekal Baja bagi Separuh Tahun Pertama 2026.

4.4 Jawatankuasa Kebajikan Anggota dan Seranta

4.4.1 Bagi sesi 2025/2026, Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan dan Seranta telah mengadakan mesyuarat sebanyak enam (6) kali seperti berikut :-

BIL	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
1	08.08.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Anggota dan Seranta Bil 1 - 2025/2026
2	28.08.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Anggota dan Seranta Khas Bil 1 - 2025/2026
3	24.10.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Anggota dan Seranta Bil 2 - 2025/2026
4	29.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Anggota dan Seranta Bil 3 - 2025/2026
5	20.01.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Anggota dan Seranta Bil 4 - 2025/2026
6	15.04.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Kebajikan Anggota dan Seranta Bil 5 - 2025/2026

4.4.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1	YH Dato Haji Mohd Sabri bin Haji Abdullah	Pengerusi	6/6
2	Tuan Haji Alias bin Mohd Nor (Telah kembali ke Rahmatullah pada 26.11.2025)	Jawatankuasa	2/6
3	Tuan Haji Bahrum Azhar bin Mohd	Jawatankuasa	6/6
4	Encik Zulmani bin Ngah	Jawatankuasa	6/6
5	Puan Musalmah bt Daud	Jawatankuasa	6/6
6	Encik Mohd Naim bin Mudzahar	Jawatankuasa	6/6
7	Encik Idrus bin Mohd Nasir	Jawatankuasa	5/6
8	Encik Sakaran Al Muthan	Jawatankuasa	6/6
9	Puan Ang Sue Ann	Jawatankuasa	5/6
10	Encik Rofli bin Mohamed	Jawatankuasa	6/6
11	Encik Zainal bin Endut	Jawatankuasa	5/6
12	Datin Farizah bt Halib	Jawatankuasa	5/6
13	Encik Mohd Faisal bin Mohd Yusof	Jawatankuasa	6/6
14	Puan Sarimah binti Hudri	Jawatankuasa	5/6
15	Cik Norazizi binti Ismail	Jawatankuasa	6/6
16	Encik Ahmad Mustaffa bin Zainal Abidin	Jawatankuasa	5/6

4.4.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. Program menziarah anggota uzur/sakit kritikal.
- ii. 24.10.2025 - 26.10.2025 - Kursus Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti Jawatankuasa KOSMA bagi sesi 2025/2026.
- iii. 5.02.2026 - 08.02.2026 - Lawatan Sambil Belajar (Retreat) Jawatankuasa KOSMA ke Medan, Indonesia

4.5 Jawatankuasa Perladangan

4.5.1 Bagi sesi 2025/2026, Jawatankuasa Perladangan telah mengadakan mesyuarat sebanyak sepuluh (10) kali iaitu seperti berikut :-

BIL	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
1	23.07.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Bil 1-2025/2026
2	13.08.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Bil 2 - 2025/2026
3	08.09.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Bil 3 - 2025/2026
4	25.09.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Khas Bil 1 - 2025/2026
5	23.10.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Bil 4 - 2025/2026
6	14.11.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Bil 5 - 2025/2026
7	11.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Bil 6 - 2025/2026
8	30.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Bil 7 - 2025/2026
9	27.02.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Bil 8 - 2025/2026
10	31.03.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Perladangan Bil 9 - 2025/2026

4.5.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1	Tuan Haji Jamil bin Ninggal	Pengerusi	10/10
2	Cr Abdul Hamid bin Ghazali	Jawatankuasa	8/10
3	YB Dato' Khairuddin Mahmud	Jawatankuasa	10/10
4	Encik Irwin Fernandez A/L Simon Fernandez	Jawatankuasa	9/10
5	Encik Abdul Jabbar @ Abdullah Bin Busu Hanifah	Jawatankuasa	8/10
6	Encik Kamarulzaman Bin Hasan	Jawatankuasa	10/10

4.5.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 24.10.2025 - 26.10.2025 - Kursus Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti Jawatankuasa KOSMA bagi sesi 2025/2026.
- ii. 5.02.2026 - 08.02.2026 - Lawatan Sambil Belajar (Retreat) Jawatankuasa KOSMA ke Medan, Indonesia

4.6 Jawatankuasa Perundangan

4.6.1 Bagi sesi 2025/2026, Jawatankuasa Perundangan telah mengadakan mesyuarat sebanyak dua (2) kali mesyuarat iaitu seperti berikut :-

BIL	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
1	27.08.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Bil 1 - 2025/2026
2	07.11.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Perundangan Bil 2 - 2025/2026

NOTA : Akan dilanjutkan selepas penguatkuasaan Akta Koperasi 2016 yang dijangka akan diluluskan pada bulan Jun 2026.

4.6.2 Senarai kehadiran mesyuarat bagi Jawatankuasa ini adalah seperti berikut:-

BIL	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1	Cr Abdul Hamid bin Ghazali	Pengerusi	2/2
2	YH Tok Muda Tengku Mohd Najirulzamal Bin Tengku Jamaluddin	Jawatankuasa	1/2
3	Puan Norfini Binti Saad	Jawatankuasa	2/2
4	Encik Mohd Farooq Bin Ibrahim	Jawatankuasa	2/2
5	Encik Ahmad Zambri Bin Ab Aziz	Jawatankuasa	2/2
6	Encik Zaipul Bahrin Bin Awang Nong (Digantung sebagai anggota berkuatkuasa 16.02.2026)	Jawatankuasa	1/2

4.6.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 24.10.2025 - 26.10.2025 - Kursus Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti Jawatankuasa KOSMA bagi sesi 2025/2026.
- ii. 5.02.2026-08.02.2026 - Lawatan Sambil Belajar (Retreat) Jawatankuasa KOSMA ke Medan, Indonesia

4.7 Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu

4.7.1 Bagi sesi 2025/2026, Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu telah mengadakan mesyuarat sebanyak lima (5) kali iaitu seperti jadual berikut :-

BIL	TARIKH	BILANGAN MESYUARAT
1	04.09.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 1 - 2025/2026
2	30.10.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 2 - 2025/2026
3	12.12.2025	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 3 - 2025/2026
4	22.01.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Khas Bil 1 - 2025/2026
5	03.04.2026	Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Ar-Rahnu Bil 4 - 2025/2026

4.7.2 Senarai kehadiran mesyuarat adalah seperti berikut :-

BIL	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1	Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin	Pengerusi	5/5
2	YBrs Dr Sharafuddin Aisa Bin Othman	Jawatankuasa	5/5
3	Encik Badaruddin Bin Haji Mokthar	Jawatankuasa	4/5
4	Encik Mohd Aznan Bin Taib	Jawatankuasa	4/5
5	Puan Anita Bt Ibrahim	Jawatankuasa	5/5

4.7.3 Aktiviti yang dijalankan.

- i. 24.10.2025 - 26.10.2025 - Kursus Pengukuhan Tadbir Urus dan Integriti Jawatankuasa KOSMA bagi sesi 2025/2026.
- ii. 5.02.2026 - 08.02.2026 - Lawatan Sambil Belajar (Retreat) Jawatankuasa KOSMA ke Medan, Indonesia

4.8 Jawatankuasa Pelaburan dan Pembangunan Tanah

4.8.1 Tiada mesyuarat dijalankan.

4.9 Jawatankuasa Tugas-Tugas Khas dan Perhubungan Korporat


4.9.1 Tiada mesyuarat dijalankan.

5.0 LAPORAN KOSMA TOURISM SDN BHD

5.1 PENGENALAN

KOSMATourism Sdn Bhd telah memainkan peranan penting dalam industri perhotelan sejak penubuhannya. Bermula pada 1 Januari 2018, syarikat ini telah mengambil alih sepenuhnya operasi KOSMA Business Hotel, KOSMA Boutique Hotel, dan KOSMA Budget Hotel dengan objektif utama untuk mengukuhkan kedudukan dalam sektor hospitaliti serta memperluaskan peluang perniagaan dan pelaburan. Selain itu, syarikat ini juga berusaha untuk meneroka bidang baharu yang dapat memberi nilai tambah kepada perniagaan, sekaligus memastikan pertumbuhan mampan dan daya saing dalam industri yang semakin kompetitif.

Sejajar dengan visi untuk menjadi peneraju dalam sektor perhotelan dan pelancongan, KOSMATourism Sdn Bhd sentiasa komited dalam meningkatkan mutu perkhidmatan, kemudahan penginapan, serta pengalaman pelanggan. Keutamaan diberikan kepada aspek kualiti, keselesaan, dan kemudahan bagi memastikan kepuasan pelanggan serta memperkukuh reputasi syarikat dalam jangka panjang.



5.2 PENGURUSAN DAN KEPIMPINAN

Dalam menghadapi cabaran industri yang semakin dinamik, Ahli Lembaga Pengarah KOSMATourism Sdn Bhd terus memainkan peranan penting dalam merangka strategi yang proaktif dan berkesan. Barisan kepimpinan yang mantap dan berpengalaman ini berusaha untuk memastikan kelangsungan perniagaan dengan menyesuaikan diri terhadap perubahan pasaran dan cabaran ekonomi semasa.

5.3 Ahli Lembaga Pengarah bagi Tahun 2024 - 2026 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN	TARIKH LANTIKAN
1.	YH Dato' Jisshaelyz Bin Hamzah	Pengerusi	16 Ogos 2023
2.	Encik Haji Jamil bin Ninggal	Pengarah	12 Ogos 2025
3.	Drs Kamarazaman bin Haji Zainal Abidin	Pengarah	09 Oktober 2025
4.	Encik Mohd Roslan bin Shamsuddin	Pengarah	12 Ogos 2025
5.	Encik Muhammad Faiz Bin Hashim	Pengarah	12 Ogos 2025

Kesemua ahli lembaga ini bertanggungjawab dalam merancang, mengawasi, dan memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar serta inisiatif yang dirancang oleh pihak pengurusan. Dengan pengalaman dan kepakaran masing-masing, mereka komited untuk membawa KOSMA Tourism Sdn Bhd ke tahap yang lebih tinggi dalam industri perhotelan dan pelancongan.

5.4 PENINGKATAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN

Dalam usaha meningkatkan keselesaan pelanggan serta menambah baik imej premis hotel, pihak pengurusan telah melaksanakan beberapa kerja penambahbaikan terhadap kemudahan sedia ada. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- Pemasangan “*awning*” di kawasan premis hotel bagi meningkatkan keselesaan pelanggan serta menambah baik penampilan bangunan.
- Kerja-kerja mengecat semula kawasan koridor bilik hotel, lobi serta kafe bagi memastikan persekitaran hotel sentiasa berada dalam keadaan yang lebih kemas, selesa dan menarik kepada pelanggan.
- Pemindahan pejabat pentadbiran hotel ke bangunan Koop Mart Kosma bagi memastikan pengurusan operasi yang lebih sistematik serta memberi ruang yang lebih sesuai untuk pengurusan pentadbiran.
- Naik taraf ruang pejabat lama kepada bilik mesyuarat baharu yang boleh digunakan oleh tetamu bagi tujuan mesyuarat, bengkel serta perbincangan berskala kecil.

Kemudahan bilik mesyuarat ini secara tidak langsung membuka peluang tambahan kepada pihak pengurusan untuk menjana pendapatan melalui tempahan ruang mesyuarat dan penganjuran program korporat yang berskala kecil.

5.5 PENINGKATAN PERMINTAAN DAN POTENSI PASARAN

Berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2023 dan 2024 serta laporan prestasi kewangan bagi tahun 2025 sebelum pelarasan audit dibuat, KOSMA Tourism Sdn. Bhd. menunjukkan prestasi operasi dan kewangan yang stabil dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2023, syarikat mencatatkan jumlah pendapatan sebanyak RM2,337,313 dengan keuntungan bersih sebanyak RM24,588. Bagi tahun 2024, jumlah pendapatan meningkat kepada RM2,462,372 dengan keuntungan bersih sebanyak RM23,677, mencerminkan permintaan yang berterusan terhadap perkhidmatan penginapan, kemudahan seminar serta perkhidmatan sokongan yang ditawarkan oleh pihak hotel. Bagi tahun 2025, jumlah pendapatan yang direkodkan sehingga 31 Disember 2025 adalah sebanyak RM2,364,099 dengan lebihan pendapatan sebanyak RM59,575 sebelum pelarasan audit dibuat, menunjukkan peningkatan prestasi operasi syarikat sangat membaik.

5.6 KESIMPULAN DAN HALATUJU MASA DEPAN

Bagi memastikan KOSMA Tourism Sdn. Bhd. terus kekal berdaya saing dalam industri perhotelan, pihak pengurusan akan terus memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kualiti perkhidmatan serta memaksimumkan penggunaan kemudahan yang sedia ada. Antara langkah yang akan dilaksanakan termasuk memperkukuhkan promosi dan pemasaran hotel bagi meningkatkan kadar penginapan, memperluaskan penggunaan dewan seminar dan bilik mesyuarat bagi tujuan penganjuran program korporat, serta mengembangkan lagi perkhidmatan catering luar bagi menambah sumber pendapatan syarikat.

Selain itu, pihak pengurusan juga akan meneruskan usaha penambahbaikan kemudahan hotel secara berperingkat bagi memastikan keselesaan pelanggan sentiasa terpelihara. Pihak pengurusan turut memberi tumpuan kepada strategi pengoptimuman penggunaan aset dan kemudahan hotel bagi memaksimumkan potensi penjanaan pendapatan daripada kemudahan sedia ada. Melalui usaha-usaha ini, pihak pengurusan mensasarkan peningkatan prestasi keuntungan sekurang-kurangnya sebanyak 5% berbanding pencapaian tahun 2025, selaras dengan usaha berterusan dalam memperkukuhkan operasi serta meningkatkan prestasi kewangan syarikat pada masa hadapan.

6.0 LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI SESI 2025/2026

6.1 PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan bagi memenuhi kehendak subperenggan 32 (1) (b) Undang-Undang Kecil KOSMA untuk dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke 41. Pengauditan telah dijalankan bagi tempoh mulai 1 Julai 2025 hingga 31 Disember 2025.

6.2 KEANGGOTAAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD)

i. Haji Ramlee bin Jantan	-	Ketua
ii. Haji Mohd Rahim bin Awang	-	Setiausaha
iii. Mejar (B) Haji Abdillah bin Haji Ismail	-	Ahli
iv. Haji Abdul Rafar bin Abd Rahman	-	Ahli
v. Encik Shah Amri bin Abd Aziz	-	Ahli

6.3 OBJEKTIF PENGAUDITAN

Mesyuarat pengurusan Koperasi Serbausaha Makmur Berhad diurus dengan cekap, telus dan teratur.

6.4 KUASA DAN FUNGSI

Mengikut Perkara 56 Undang-Undang Kecil KOSMA.

6.5 MESYUARAT JAWATANKUASA

Jawatankuasa Audit Dalaman telah mengadakan 4 kali mesyuarat seperti senarai kehadiran berikut:-

BIL	NAMA	JAWATAN	KEHADIRAN
1	Haji Ramlee bin Jantan	Ketua Audit	4/4
2	Haji Mohd Rahim bin Awang	Setiausaha	4/4
3	Mejar (B) Haji Abdillah bin Haji Ismail	Ahli	4/4
4	Haji Abdul Rafar bin Abd Rahman	Ahli	4/4
5	Encik Shah Amri bin Abd Aziz	Ahli	4/4

6.6 AKTIVITI-AKTIVITI

BIL	TARIKH	AKTIVITI
1	15.07.2025	Majlis Penyerahan Watikah Perlantikan Ahli Jawatankuasa Kecil dan Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman KOSMA di Kompleks Perladangan KOSMA, Keratong, Rompin, Pahang
2	30.07.2025	Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) Bil. 1 2025-2026 di Ibu Pejabat KOSMA Kuantan, Pahang
3	04.08.2025 - 08.08.2025	Menjalankan Kerja-kerja Auditan berkenaan Tender membaikpulih 88 unit Kuarters Pekerja Ladang Sungai Kepasing, Ladang Bukit Serlai, Ladang KOSMA 7 dan Ladang KOSMA 8 tanpa pengetahuan dan kebenaran Anggota Lembaga.
4	11.08.2025	Laporan Auditan berkenaan Tender membaikpulih 88 unit Kuarters Pekerja siap dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Anggota Lembaga.

5	19.08.2025	Menjalankan Kerja-kerja Auditan di Pajak Gadaai Islam Ar-Rahnu Cawangan Kuantan.
6	20.08.2025	Menjalankan Kerja-kerja Auditan di KOSMA Business Hotel Kuantan, Pahang
7	25.08.2025	Mesyuarat JAD Bil 2 2025-2026 di Ibu Pejabat KOSMA, Kuantan, Pahang
8	26.08.2025 - 27.08.2025	Menghadiri Kursus Audit Dalaman (JAD) di Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
9	22.09.2025 - 25.09.2025	Menjalankan Kerja-kerja Auditan di Kompleks Perladangan KOSMA
10	29.09.2025	Menjalankan Kerja-kerja Auditan di Pajak Gadaai Islam Ar-Rahnu Cawangan Temerloh
11	06.10.2025 - 10.10.2025	Menjalankan Kerja-kerja Auditan di Ibu Pejabat KOSMA Kuantan, Pahang.
12	29.10.2025 - 30.10.2025	Menjalankan Kerja-kerja Auditan di Pajak Gadaai Islam Ar-Rahnu Temerloh Menjalankan Kerja-kerja Auditan di Bangunan Kedai Milik KOSMA di Temerloh dan di Jerantut.
13	30.10.2025	Mesyuarat JAD Bil 3 2025-2026 di Ibu Pejabat KOSMA, Kuantan, Pahang
14	31.10.2025	Menghadiri Program Sukan Muhibbah KOSMA 2025 di Kompleks Perladangan KOSMA, Keratong, Rompin, Pahang.
15	26.11.2025	Mesyuarat JAD Bil 4 2025-2026 di Ibu Pejabat KOSMA, Kuantan, Pahang
16	26.11.2025	Menghadiri Program Majlis Apresiasi KOSMA 2025 di Ancasa Royale, Pekan, Pahang.
17	09.12.2025	Menjalankan Kerja-kerja Pengauditan di KOSMA Business Hotel Kuantan, Pahang
18	09.12.2025	Menjalankan Kerja-kerja Pengauditan di Pajak Gadaai Islam Ar-Rahnu Temerloh, Pahang
19	10.12.2025	Menjalankan Kerja-kerja Pengauditan di Pajak Gadaai Islam Ar-Rahnu Kuantan, Pahang.
20	15.12.2025	Menjalankan Kerja-kerja Pengauditan di Kompleks Perladangan KOSMA, Keratong, Rompin, Pahang.
21	16.12.2025	Menjalankan Kerja-kerja Pengauditan berkenaan progress Pembinaan Kuarters di Ladang KOSMA
22	30.12.2025	Bersama Juru Audit Luar Tetuan Salihin & CO di Kompleks Perladangan KOSMA.
23	31.12.2025	Menghadiri Sambutan Akhir Tahun 2025 di Kompleks Perladangan KOSMA, Keratong, Rompin, Pahang

6.7

PENEMUAN JAD

6.7.1 Ketidapatuhan Tatakelola Pengurusan Tender Membaikpulih 88 Unit Kuarters Pekerja Di Ladang KOSMA

Jawatankuasa Audit Dalam mendapati bahawa aktiviti Tender Projek membaikpulih 88 unit kuarters pekerja di Ladang Sungai Kepasing, Ladang Bukit Serlai, Ladang Kosma 7 dan Ladang Kosma 8, tidak mematuhi tatakelola pengurusan tender yang telah ditetapkan oleh Kosma. Pertama adalah perlantikan Perunding MZMS tanpa pengetahuan dan kebenaran Lembaga. Kedua, pembelian Dokumen Tender tidak mengikut Prosidur Kewangan dan Perolehan Kosma. Ketiga, Jemputan Kontraktor-kontraktor yang berminat menghadiri taklimat tanpa mengikut prosidur yang telah ditetapkan dan Ke empat, arahan pembayaran ke atas tuntutan oleh pihak Perunding tanpa kelulusan dari Pengerusi Lembaga. Penemuan dan teguran oleh jawatankuasa Audit Dalaman terhadap penemuan ini telah diambil tindakan oleh Ahli Lembaga KOSMA.

6.7.2 Pajak Gadai Ar Rahnun KOSMA Kuantan

i. Rekod Perniagaan Tahun 2024 Tiada Dalam Sistem Perakodan Berkomputer.

- Rekod perniagaan adalah maklumat yang penting. Tanpa maklumat yang tepat, pihak pengurusan sukar untuk membuat sesuatu Keputusan terhadap pengoperasian perniagaan tersebut.
- Jawatankuasa Audit (JAD) mencadangkan sistem penyeteroran maklumat perlu bersistematik dan sentiasa di pantau oleh Pengurusan.

ii. Tiada Aktiviti Lelongan Keatas Barang Gadaian Melebihi Tempoh Matang pada tahun 2024 sehingga kini.

- Aktiviti lelongan tidak dibuat keatas 25 barang kemas gadaian yang telah tamat tempoh matangnya. Barang gadaian ini masih tersimpan dibilik kebal Ar-Rahnun. Pembiayaan bagi barang kemas ini bernilai RM 44,700.00 dengan jumlah beratnya sebanyak 204.85 gm melibatkan 25 orang pengadai. Ar-Rahnun menanggung kerugian modal dan menanggung liabiliti keselamatan barang gadaian tersebut.
- JAD mencadangkan supaya Tatacara Pengendalian Lelongan di Pajak Gadai Islam dipatuhi sepenuhnya oleh Pengurusan.

iii. Timbunan Fail-Fail Dalam Bilik Kebal Simpanan Barang-Barang Kemas

- Fail-fail pejabat tidak boleh disimpan dalam bilik kebal. Dikuatiri boleh menjadi punca kepada berlakunya kebakaran. Prosedur Simpanan Fail perlu mengikut standard atau tatakelola penyimpanan fail yang sedia ada. KOSMA mempunyai ruangan pejabat kosong di sekitar Kuantan.
- JAD mencadangkan supaya fail-fail tersebut disimpan di Bangunan berkenaan. Manakala fail-fail yang melebihi tempoh 7 tahun dicadangkan untuk dilupus atau disimpan mengikut Tatakelola Jabatan Arkib Negara.

iv. Carta Organisasi dan Piagam Pelanggan Tiada di Permis Pajak Gadai Islam Kuantan.

- Carta Organisasi dan Piagam Pelanggan memberi fokus kepada struktur organisasi, tanggungjawab pekerja dan komitmen terhadap kualiti perkhidmatan yang berorientasikan pelanggan. Carta Organisasi perlu dipamerkan supaya pelanggan boleh memahami hak dan tanggungjawab mereka. Piagam pelanggan pula bertujuan untuk memantapkan standard dan janji yang perlu dipenuhi serta meningkatkan kepuasan pelanggan
- JAD mencadangkan supaya Pajak Gadai Islam Ar-Rahnun Kuantan mewujudkan carta Organisasi dan Piagam Pelanggan dengan merangka tatakelola yang tersendiri.


6.7.3 KOSMA TOURISM Sdn Bhd

Kadar penginapan hotel didapati telah berkurangan bagi tempoh Januari sehingga Julai tahun 2025 berbanding dengan tempoh yang sama bagi tahun 2024.

PERATURAN PELANGGAN DI HOTEL KOSMA JANUARI-JULAI 2024/2025

	2025 (%)	2024 (%)	PERBEZAAN (%)
KOSMA BOUTIQUE	53.80	60.63	(6.38)
KOSMA BUSINESS	54.16	56.29	(2.13)

Sumber : Kosma Tourism Sdn Bhd



JAD mencadangkan supaya usaha-usaha mempromosi Hotel perlu ditingkatkan lagi melalui Media Sosial, Hebahan melalui Risalah kepada Jabatan Kerajaan dan Swasta dan kos Pengurusan perlu dikurangkan.

6.74 **Kompleks Perladangan KOSMA & Pentadbiran Kompleks**

i. Platform yang digunakan untuk meletak baja tidak sesuai.

- Kebanyakan Platform yang sedia ada telah rosak kerana bahan yang digunakan tidak tahan dengan berat rimbunan baja yang diletakkan di atasnya. Kegunaan Platform ini penting bagi menghindarkan stok baja yang disimpan dalam jangkamasa yang agak lama, dari menyerap air yang meruap dari lantai stor yang boleh mengganggu kualiti kandungan baja dan juga menyebabkan baja menjadi keras.
- JAD mencadangkan supaya pengurusan Ladang perlu mengambil tindakan sewajarnya supaya penjagaan kualiti baja terpelihara. Rekabentuk dan bahan platform perlu dititikberatkan supaya ianya boleh digunakan dalam jangkamasa yang panjang.

ii. Sistem saliran tidak diselenggara dengan baik.

- Sistem saliran yang sedia ada tidak diselenggara dengan baik. Kebanyakan longkang tersumbat dengan lambakan tanah dan rumput rumput dibiarkan panjang disekitar longkang tersebut. Sekiranya berlaku hujan yang lebat, air akan mengalir masuk ke dalam stor yang mengandungi stok baja. Baja yang terkena air boleh menjadi keras (sekiranya disimpan terlalu lama) dan kualiti baja akan berkurangan. Keadaan ini juga akan berlaku pada bangunan Stor Penyimpanan Baja yang tidak dilengkapi dengan sistem saliran seperti di Ladang Kosma 6 dan 7.
- JAD mencadangkan supaya Pengurusan Ladang mematuhi semua Tatakelola Pengurusan Ladang.

iii. Penerimaan kuantiti baja yang berlebihan dari pihak pembekal yang gagal mematuhi jadual penghantaran baja yang ditetapkan

- Pada keseluruhannya, ladang menghadapi masalah dari pihak pembekal yang gagal membekalkan baja mengikut jadual yang telah ditetapkan. Penghantaran baja oleh pembekal disaat akhir mengakibatkan lambakan baja di stor penyimpanan berlaku apabila baja di hantar dihujung tahun. Akibatnya baja terpaksa di simpan di luar stor dan terdedah kepada keadaan cuaca terutamanya seperti hujan yang lebat.
- JAD mencadangkan supaya tindakan yang sewajarnya perlu diambil terhadap pihak pembekal baja yang gagal mematuhi jadual penghantaran yang telah ditetapkan oleh KOSMA.

iv. Pentadbiran Kompleks Perladangan KOSMA

a. Penggunaan Buku Log Kenderaan KOSMA

